

Jilid I
Bil. 16



MALAYSIA

Hari Selasa
28hb Oktober, 1986

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2045]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 2081]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2082]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2082]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kedudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAN (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Trengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Bentong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN SAILAN (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
 .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
 .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 .. DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
 .. TUAN P. PAITO (Ipoh).
 .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
 .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
 .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
 .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
 .. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
 .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
 .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
 .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
 .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
 .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 .. WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
 .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
 .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
 .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
 P.J.K. (Besut).
 .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

JALANRAYA DI SARAWAK—
TARAF

1. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Kerja Raya menyatakan rancangan Kementerian untuk meningkatkan taraf jalanraya-jalanraya di Negeri Sarawak dan bila kerja mengetar di antara Bandar Sri Aman dan Miri akan dimulakan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya memberi perhatian yang khusus di dalam merancang, membina dan menaikkan taraf jalanraya di Negeri Sarawak. Misalnya, di dalam Rancangan Malaysia Kelima sahaja sejumlah \$360 juta telah disediakan di bawah program ini yang mana merupakan 15.5% daripada jumlah peruntukan yang disediakan bagi membina dan menaikkan taraf jalanraya di seluruh negara.

Di dalam tahun 1986 sahaja sejumlah \$140 juta telah disediakan, manakala pada tahun 1987 pula sebanyak \$128 juta dicadangkan di bawah program ini bagi Negeri Sarawak sahaja. Mengenai jalanraya utama Negeri Sarawak, bahagian dari

Sri Aman ke Miri yang panjangnya 674 kilometer itu, sepanjang 181 kilometer telahpun ditarkan, manakala sepanjang 194 kilometer lagi sedang ditarkan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak secara "Departmental" dan juga oleh pihak kontraktor, sepanjang 111 kilometer lagi akan dipanggil tender pada akhir tahun ini. Dengan siapnya kesemua rancangan ini keseluruhan jalanraya dari Sri Aman ke Miri yang ditarkan adalah berjumlah 486 kilometer dan bakinya sebanyak 188 kilometer sahaja akan dilaksanakan apabila peruntukan yang mencukupi diperolehi.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan bilakah rakyat di Sarawak dan juga Sabah dan Brunei dapat menggunakan lebuh raya yang akan dibina "Pan-Borneo Highway" di antara Kota Kinabalu melalui Bandar Sri Begawan ke Kuching, dan saya ingin tahu juga bilakah Kerajaan bercadang supaya menyiapkan pembinaan jambatan yang terdapat di antara Brunei, Sarawak dan Sabah.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan satu rangkaian jalan, iaitu Pan-Borneo Highway bukanlah satu perkara yang boleh selesai dalam tempoh satu atau dua tahun. Oleh kerana jalan ini pun lebih daripada 1,300 kilometer. Dari 1,300 kilometer, kita telah siapkan lebih kurang 550 kilometer sahaja setakat ini. Saya harap jikalau minta saya memberi sedikit penjelasan, bilakah rakyat di negeri Sarawak boleh menggunakan jalan

sepenuhnya. saya harap boleh memakan masa sekurang-kurangnya 10 tahun. itupun jikalau kita ada peruntukan dan keadaan kewangan boleh dapat diselesaikan.

SUKATAN PELAJARAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT

2. Tuan Mohammad Yusoff bin Haji Abd. Latiff minta Perdana Menteri menyatakan sejauh ini apakah usaha-usaha dan tindakan yang telah diambil oleh LEPAT mengenai penyelarasan, Sukatan Pelajaran di sekolah-sekolah Agama Rakyat. Sekolah Agama Rakyat di masa yang lalu merupakan institusi yang telah banyak melahirkan ulamak-ulamak terkemuka di negara kita. Pada masa sekarang terdapat ada sekolah-sekolah agama ini digunakan untuk melatih kader-kader menentang Kerajaan dan memecahbelahkan ummah. Oleh itu apakah tindakan wajar dan segera yang akan diambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab bagi pihak Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha dan tindakan telah diambil oleh Lembaga Penasihat, Penyelarasan, Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) mengenai Penyelarasan Pelajaran di sekolah-sekolah Agama Rakyat iaitu dengan tertubuhnya satu Jawatankuasa Kurikulum. Jawatankuasa ini adalah ditugaskan untuk mengkaji dan meneliti Kurikulum sekolah-sekolah Agama Islam termasuklah Sekolah Agama Rakyat. Berhubung dengan dakwaan

Yang Berhormat tentang adanya golongan yang menggunakan Institusi persekolahan agama untuk menentang Kerajaan dan memecahbelahkan ummah, suka saya jelaskan bahawa pihak berkuasa Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri sentiasa memerhati dan mengawasi perkembangan yang berlaku di negeri masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya hendak tambah sedikit dahulu. Apa ertinya LEPAT ini—L-E-P-A-T.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bukan LEPAT. LEPAI, shortform, dengan izin, Lembaga Penasihat, Penyelarasan, Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (L-E-P-A-I) bukannya L-E-P-A-T (*Ketawa*).

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa di sekolah-sekolah agama rakyat ini kebanyakan guru-guru agama yang terdiri daripada guru-guru yang menentang Kerajaan, khususnya dari PAS yang telah menggunakan kesempatan sebagai pusat kegiatan PAS di sekolah-sekolah tersebut?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri menyedari hakikat ini dan saya telah katakan bahawa perkara ini telah diawasi oleh Majlis Agama Islam di negeri masing-masing kerana hal ehwal agama adalah tertakluk di bawah Kerajaan Negeri.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan daripada timbulnya guru-guru agama yang menentang Kerajaan, adakah satu jalan bagi Kerajaan supaya dapat guru-guru agama ini semua menyokong Kerajaan? (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak jawab? Saya rasa terkeluar soalnya.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Hendak jawab juga?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:saya hendak tahu.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah semua Ahli-ahli PAS itu sokong Kerajaan (*Tepuk*).

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

3. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah faktor-faktor utama yang telah menyebabkan harga barang-barang keperluan harian menjadi stabil di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Adakah dengan kemunculan pasaraya-pasaraya yang menawarkan barangan dengan harga yang murah daripada yang dijual oleh pekedai-pekedai runcit, telah menstabilkan harga barangan keperluan harian.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada beberapa faktor yang telah menyebabkan harga barang-barang keperluan harian menjadi stabil. Ini termasuklah bekalan yang mencukupi, persaingan yang meningkat di kalangan peniaga-peniaga disebabkan aktiviti-aktiviti perdagangan yang baru seperti pasar malam, pasar tani dan pembukaan pasaraya-pasaraya baru dan kawalan yang sentiasa dijalankan oleh pihak-pihak yang berkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada. Selain dari itu, beberapa jenis kos juga telah berkurangan seperti kos bahanapi dan elektrik, pengangkutan, sewa dan lain-lain dan

ini telah membolehkan harga beberapa jenis barang-barang keperluan dikurangkan.

Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan pengawasan dan pemeriksaan untuk memastikan bekalan barang-barang keperluan sentiasa cukup dan harganya ditunjukkan seperti yang diwajibkan di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Sebarang penyelewengan dan keingkaran akan diambil tindakan tegas. Dengan adanya pengawasan dan pemeriksaan terus-menerus sepanjang masa ini bekalan dan harga barang-barang keperluan ini sentiasa didapati stabil dan berada di paras yang berpatutuan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan kemunculan terlampau banyak pasaraya-pasaraya ini telah mengancam pekedai-pekedai runcit. Kalau Yang Berhormat sedar, apakah sesuatu yang boleh dibuat untuk memastikan supaya kedai-kedai runcit ini terjamin terus perniagaan mereka sebab pertandingan yang hebat daripada pasaraya kadang-kadang tak dapat dihadapi oleh pekedai-pekedai runcit. Ini bagi barang-barang keperluan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar (*Ketawa*).

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bukankah harga-harga barangan keperluan harian rendah, sebab faktor yang penting sekali ialah rakyat kekurangan kemampuan pembelian sekarang, oleh sebab kita ada menghadapi kemelesetan ekonomi. Mengapa punca-punca lain disebutkan, tetapi kemelesetan ekonomi tidak disebutkan sebagai satu sebab. Sila jelaskan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan satu soalan tambahan, itu penjelasan sahaja (*Tepuk*), tetapi Kementerian saya sentiasa mengawasi dan membuat pemeriksaan dari masa ke masa harga-harga bekalan barang-barang keperluan. Dari penyiasatan dan pemeriksaan yang dilakukan oleh Kementerian saya, harga-harga yang ditetapkan adalah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah barangan-barangan yang dijual daripada pusat beli-belah yang ditawarkan, seperti "tawaran istimewa", "jualan murah" dan sebagainya yang menyebabkan kestabilan barangan-barangan yang berada di Kuala Lumpur ini?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan meminda Akta berkenaan, iaitu Akta Perihal Dagangan 1972 yang telah dibentangkan bagi bacaan kali pertama di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta mengenai Akta. Saya minta sejauh manakah?

Dato Kok Wee Kiat: Sabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti! Yang Berhormat Timbalan Menteri belum habis lagi (*Ketawa*).

Dato Kok Wee Kiat: Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato Kok Wee Kiat: Pindaan Akta tersebut adalah bertujuan untuk mengawal jualan murah atau jualan istimewa atau jualan apa-apa yang tidak benar (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah itu.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—BAYARAN BALIK

4. Dato' Haji Mohammad abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan apakah dasar Kerajaan berkenaan dengan cara pembayaran balik oleh pemilik-pemilik rumah yang berjaya mendapat rumah awam kos rendah. Adakah dasar ini mengambilkira perbezaan pendapatan pemilik-pemilik tersebut di dalam sesuatu skim perumahan yang sama harganya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, menurut dasar yang ditetapkan, seseorang pembeli rumah awam kos rendah dibenarkan membuat bayaran untuk harga rumah kos secara ansuran bulanan selama 25 tahun. Ansuran bulanan ini mengandungi elemen-elemen kos tanah, kos infrastruktur, kos pembinaan bangunan dan faedah ke atas kos-kos ini. Perbezaan pendapatan di kalangan pembeli-pembeli tidak diambil kira dalam menetapkan ansuran bulanan yang perlu dijelaskan, misalnya pembeli yang berpendapatan \$400 sebulan perlu membayar amaun yang sama sebanyak \$124.25 sebulan untuk rumah berharga \$20,000 seperti pembeli yang berpendapatan \$600 sebulan.

Perbezaan pendapatan tidak diambil kira oleh sebab pembeli-pembeli rumah di sesuatu projek perumahan sepatutnya dipilih di kalangan mereka yang boleh membelanjakan sekurang-kurangnya 1/3 dari pendapatan bulanan untuk ansuran bulanan dan mempunyai pendapatan tidak lebih dari \$750 sebulan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ada terdapat negeri-negeri yang mengenakan wang pendahuluan ataupun wang "deposit", dengan izin, yang agak tinggi untuk pembeli-pembeli rumah harga murah ini membayarnya—kadangkala terdapat permintaan daripada negeri-negeri supaya pembeli-pembeli membayar di antara \$1,700 ke \$2,300 sebagai wang pendahuluan ataupun deposit. Kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahuinya, apakah tindakan-tindakan yang dapat diambil untuk menentukan supaya negeri-negeri tidak mengenakan pembayaran wang deposit yang begitu tinggi.

Yang keduanya, memandangkan bahawa sebahagian besar mereka yang berpendapatan rendah mempunyai keluarga yang agak besar, di antara 3 ke 4 orang anak sekurang-kurangnya, jadi pembinaan rumah dua bilik ini pada pandangan saya adalah tidak wajar lagi. Adakah Kerajaan ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil langkah supaya menggalakkan pembinaan rumah murah yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama berkenaan rumah-rumah kos rendah awam, saya tidak tahu bahawa

Kerajaan-kerajaan Negeri mengutip wang pendahuluan. Dari maklumat yang diperolehi oleh Kementerian, bagi rumah-rumah awam kos rendah tidak mana-mana Kerajaan Negeri yang mengutip wang pendahuluan. Tetapi bagi rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta mungkin Kerajaan-kerajaan Negeri mengutip wang pendahuluan, tetapi kalau kita menerima maklumat-maklumat, kita akan menghubungi pihak-pihak Kerajaan Negeri supaya mengelakkan kutipan wang pendahuluan dari pembeli-pembeli. Adalah menjadi dasar kita supaya wang pendahuluan tidak dikutip daripada pembeli-pembeli, khususnya daripada golongan berpendapatan rendah yang ingin membeli rumah-rumah kos rendah.

Tentang pembinaan rumah dua bilik yang difikirkan tidak begitu sesuai kepada keluarga yang besar, ini adalah satu perkara yang telahpun diberi perhatian oleh Kementerian. Kita sedang menggalakkan pembinaan rumah tiga bilik bagi rumah-rumah kos rendah baik rumah yang dibina oleh Kerajaan mahupun rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor swasta. Masalahnya ialah kos. Buat masa sekarang pun kos \$25,000 atau sekurang-kurangnya dianggap sebagai harga yang tinggi, ia di luar daripada kemampuan beberapa pembeli-pembeli. Maka kalau kita memikirkan ruang yang lebih besar, iaitu tiga bilik atau empat bilik, ini akan menaikkan harga kos; maka kita akan balance kedua-dua perkara ini dan kita sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menggalakkan pembinaan rumah-rumah yang mempunyai tiga bilik.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui yang pertama ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak, ada di

antara pemilik-pemilik rumah kos rendah yang diberi oleh Kerajaan telah diberi sewa kepada orang lain? Yang keduanya, sekiranya sesebuah rumah yang diberi kepada satu orang itu dianya tidak dapat tinggal kerana beberapa sebab dan keluarga yang manakah yang patut diberi peluang untuk tinggal di rumah tersebut. Jadi, untuk kedua-dua soalan, apakah tindakan Kerajaan sekiranya rumah-rumah ini diberi sewa kepada orang lain dengan kadar sewa yang agak tinggi. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi semua Kerajaan-kerajaan Negeri telah menyebutkan bahawa mana-mana pembeli yang tidak ingin tinggal dalam rumah-rumah yang ditawarkan, mereka tidak ditawarkan rumah-rumah tersebut. Tetapi ada keadaan-keadaan yang di luar daripada kawalan, iaitu kalau pembeli yang berjaya dipindah daripada tempat itu atau ditukar ke pejabat dan bandar yang lain, kemungkinan perkara-pekerja ini berlaku. Walau bagaimanapun, kalau mereka yang berjaya, ada tetap duduk di bandar yang sama tetapi rumah mereka disewakan, perkara ini kalau kita diberitahu, kita akan meminta pihak Kerajaan Negeri untuk menarik balik rumah-rumah harga kos rendah yang telahpun ditawarkan kepada pembeli-pembeli itu.

Tentang siapa yang layak, itu tak timbul, oleh kerana dari dasarnya, rumah itu tidaklah untuk disewakan oleh mereka yang berjaya memperolehi rumah-rumah itu.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri

berkenaan sedar bahawa terdapat ramai pemilik-pemilik rumah kos rendah mendapati sukar untuk menjelaskan bayaran bulanan mereka disebabkan oleh pendapatan yang rendah dan di waktu kemelesetan ekonomi sekarang ini terutama di Pulau Pinang di mana terdapat lebih \$5 juta yang masih terhutang oleh pemilik rumah kos rendah kepada pihak Kerajaan Pulau Pinang. Jika ia, adakah Kerajaan Negeri akan mengambil kira untuk membenarkan penurunan bayaran bulanan dan melanjutkan jangka masa pembayaran supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pemilik-pemilik tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah, Ahli Yang Berhormat bertanya, adakah Kerajaan Negeri sanggup. Saya tidak dapat menjawab soalan itu bagi pihak Kerajaan Negeri.

KWSP—KEGAGALAN MAJIKAN MENCARUM

5. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah laporan-laporan yang diterima dari pekerja-pekerja mengenai majikan mereka tentang kelewatan dan kegagalan pembayaran KWSP bagi tempoh 1984, 1985 dan 1986 di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan apakah tindakan yang diambil ke atas majikan-majikan tersebut dan apakah pencapaiannya setakat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua,

(a) bilangan pengaduan atau laporan yang diterima oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari pekerja-pekerja mengenai kegagalan

dan kelewatan majikan mereka di dalam mencarum ke KWSP bagi tempoh 1984, 1985 dan

1986 di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Sabah</i>	<i>Jumlah</i>
1984	1,560	58	146	1,764
1985	2,452	28	175	2,655
1986	1,801	22	265	2,088

(31-8-1986)

- (b) KWSP mengambil beberapa langkah untuk memastikan supaya semua majikan membuat caruman kepada KWSP. Pada masa ini, majikan-majikan yang enggan menyerahkan caruman pekerja selepas peringatan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat KWSP, akan dikunjungi oleh Pemeriksa-pemeriksa KWSP, yang akan membuat taksiran tunggakan yang mesti dijelaskan oleh majikan berkenaan dalam tempoh 14 hari. Kegagalan majikan menyerahkan caruman dalam tempoh masa tersebut, akan mengakibatkan tindakan mahkamah diambil di bawah Seksyen 16A (1c) Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982). Apabila disabit kesalahan, majikan akan didenda tidak lebih dari \$10,000 atau 12 bulan penjara atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pada tahun 1985 seramai 1,135 majikan telah didakwa dan bagi tahun 1986, iaitu sehingga akhir Jun, sebanyak 512 kes pendakwaan telah dilakukan. Dengan tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh KWSP, jumlah kes yang dapat diselesaikan meningkat dari tahun 1984 sebanyak 1,766 kes kepada 2,216 kes dalam tahun 1985 dan 2,333 kes dalam tahun 1986. Baki kes yang tertunggak

pula berkurangan dari 1,190 kes dalam tahun 1985 kepada 945 kes dalam tahun 1986.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dua soalan tambahan; yang pertama, dalam keadaan kemerosotan ekonomi untuk mengurangkan beban kepada pihak majikan dan juga pihak pekerja, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengurangkan kadar pembayaran kepada KWSP?

Yang kedua, saya dapat tahu ada beberapa Jabatan Kerajaan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang tidak membayar sepenuh-penuh bakinya kepada KWSP. Jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk memenuhi peranannya kepada KWSP?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, mengikut undang-undang sekarang tidak bolehlah kecuali kita pinda undang-undang.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua, ini benar-benar saya tidak tahu ada perkara ini berlaku. Saya haraplah Yang Berhormat yang berkenaan dapat beritahu saya supaya kita akan membuat tindakan-tindakan sewajarnya dengan jabatan-jabatan yang disebutkan tadi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, daripada angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai aduan atau laporan yang telah disampaikan kepada KWSP mengenai pihak majikan yang telah gagal untuk membayar caruman, membuktikan bahawa kes ini ada meningkat tahun demi tahun. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak berkuasa yang berkenaan ada menjalankan siasatan yang mendalam tentang apakah sebab-sebab pihak majikan senantiasanya, dalam kebanyakan kes ini, gagal untuk membayar caruman kepada KWSP dan adakah benar bahawa Bahagian Inspectorate dalam KWSP ini tidak mencukupi kakitangan ataupun anggota yang cukup untuk menjalankan pemeriksaan untuk memastikan kes-kes yang berkenaan dan jika benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, beberapa sebab mungkin menyebabkan kenaikan kes-kes ini terutama sekali majikan-majikan cuba hendak menipu, hendak memegang caruman-caruman itu untuk kegunaan lain—itu mungkin satu. Kemungkinan kedua ialah oleh sebab banyaknya tindakan-tindakan diambil maka kes-kes yang mungkin tidak timbul dahulu-dahulu, sekarang ini timbul, dan banyak lagi sebab-sebab lain mengapa kes-kes ini bertambah banyak termasuklah juga aduan-aduan yang semakin banyak diterima dari pihak orang ramai.

Berkenaan dengan sama ada cukup atau tidak cukup pegawai di Bahagian Inspectorate, saya rasa daripada jawapan sudah terang bahawa sekarang ini banyak kes-kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat. Ertinya ini bukan sahaja menunjukkan bahawa pegawai-pegawai dari KWSP ini bertambah cekap, tetapi juga bilangannya

memadailah. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah kes-kes ini tidak dapat semuanya diselesaikan serta-merta.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan dari cadangan Kerajaan untuk mengenakan KWSP kepada pekerja-pekerja dan kakitangan baru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan apakah ada persediaan sekarang ini untuk melindungi ataupun menguatkuasakan sebarang undang-undang KWSP kepada Kerajaan sebagai majikan? Kedua, sekiranya Kerajaan belum bersedia, adakah konsep majikan itu termasuk juga Kerajaan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan yang pertama, tetapi kepada soalan kedua jawabnya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah itu.

SEKOLAH MENENGAH (PERSENDIRIAN) SEG HWA

6. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima permohonan buka semula Sekolah Menengah Seg Hwa (Persendirian) di Segamat itu. Jika ya, sama ada pihaknya telah meluluskan permohonan itu. Jika belum, beritahulah berapa lama akan diambil untuk meluluskannya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada menerima permohonan pendaftaran Sekolah Menengah (Persendirian) Seg Hwa, Segamat, Johor dan permohonan tersebut sedang dikaji dan apabila sesuatu keputusan mengenainya telah dibuat, pihak pemohon akan diberitahu nanti.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita semua sedia maklum apabila Kerajaan telah mengambil keputusan akan memberitahu kepada pihak yang berkenaan. Tetapi soalan saya ialah bilakah, oleh kerana keperluan sekolah tersebut adalah sangat mendesak di bandar Segamat. Jadi kita mahu tahu bolehkah beri satu tempoh bilakah boleh beritahu itu oleh kerana kalau mungkin 1 tahun, 2 tahun, 5 tahun atau 10 tahun. Saya minta boleh beritahu satu tempoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak tempoh sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Peraturan Mesyuarat, kita berhak tidak menjawab. Tempoh itupun saya rasa tidak bolehlah saya hendak janjikan bila, tetapi kita mengambil berat tentang ini dan kita mengkaji dan insya Allah, kalau kajian itu seperti saya kata tadi dibuat dan didapati munasabah, kita akan memberitahu pihak Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jadi tempohnya akan datang.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebabnya mengapa Sekolah Menengah ini dahulu ditutup?

Soalan kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan juga kepada Dewan ini apakah keperluan-keperluan atau syarat-syarat yang dikehendaki untuk membuka sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (Persendirian) ini? Soalan seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah, jangan banyak sangat, dua cukup!

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua, tidak terang jawapannya nanti. Jadi kalau banyak soalnya, terang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, boleh bertanya.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Bolehkah diberitahu berapa banyakkah Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina seperti Sekolah Menengah Seg Hwa ini di negara kita, dan berapakah jumlah murid yang terlibat dan mengikut trend 3 tahun yang lalu, adakah jumlah murid ini bertambah atau menurun?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya sekolah ini bukan ditutup sebenarnya. Sekolah ini sebenarnya mula-mula sekolah persendirian tetapi kita jadikan sekolah bantuan Kerajaan kerana kita memikirkan bahawa kita perlu membantu sekolah ini supaya terus berjalan. Namun demikian, kita membantu dan dianggap sebagai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang diberi bantuan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan-keperluan untuk membuka kembali, oleh kerana saya kata tadi sekolah ini tidak ditutup tetapi diteruskan, maka tidaklah ada timbul soal ini. Yang ketiganya, saya mohon notis untuk jawapan bagi soalan yang ketiga.

KEBUDAYAAN KAUM CINA/INDIA

7. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada nilai-nilai kebudayaan kaum Cina dan India akan terbayang dalam kebudayaan

kebangsaan; mengapa tarian singa dan tarian kaum India seperti tarian burung merak tidak dibenarkan menyertai perarakan satu perayaan Merdeka tahun ini dan adakah tarian-tarian tersebut akan dibenarkan menyertai perayaan Hari Kemerdekaan yang ke-30 pada tahun depan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai kebudayaan kaum Cina dan India tidak perlu dipersoalkan lagi kerana memang telah sedia terdapat nilai kebudayaan tersebut dan unsur-unsur lain di dalam kebudayaan kebangsaan, hasil daripada proses perserapan dan penyerapan sejak satu abad yang lalu. Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan juga prinsip kedua Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Akan tetapi penerimaan unsur-unsur luar rantau ini ke dalam kebudayaan kebangsaan adalah dipertimbangkan dari segi kesesuaian dan kewajarannya berasaskan sifat-sifat universalism dan persamaan nilai ciri-ciri tersebut.

Berhubung dengan mengapa tarian singa dan tarian kaum India seperti tarian burung merak tidak dibenarkan menyertai perarakan perayaan Hari Kebangsaan tahun ini, ingin dimaklumkan bahawa acara tarian tidak termasuk dalam perayaan Hari Kebangsaan tahun ini. Oleh yang demikian soal mengapa tarian singa dan tarian kaum India tidak dibenarkan menyertai perarakan tidak timbul sama sekali. Sama ada tarian tersebut akan dibenarkan menyertai perarakan Hari Kebangsaan yang ke 30 pada tahun hadapan, itu bergantunglah kepada acara yang hendak ditunjukkan di tahun hadapan.

Tuan Hashim bin Shafin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah dalam makluman Menteri

atau Kementerian berkenaan, tarian singa atau tarian burung merak ini menjadi persembahan rasmi di negara-negara lain seperti China, Hong Kong, Taiwan, India dan sebagainya?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Setahu saya di negara China tidak lagi, Tuan yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan masyarakat Tionghua bukan terhad kepada tarian singa ataupun kepada amalan tradisi sahaja, tetapi juga menunjukkan kepada ajaran tradisi lama seperti ajaran "Confucius" yang mengatakan, dengan izin, Tze heisene je song ti eeh (*Tepuk*) dalam Bahasa Malaysia ertinya, "semua manusia adalah abang adik". Ini nilai yang baik. Adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk memperkenalkan nilai seperti ini kepada bangsa lain supaya menganjurkan persefahaman yang lebih baik? Ini sahaja.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya rasa Ahli Yang Berhormat itu boleh menerangkan maksud itu dalam Bahasa Kebangsaan, tidak perlu menerangkan dalam bahasa Tionghua tadi. Yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak diterangkan apa maksudnya?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak payah, saya faham maksudnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah faham? (*Ketawa*)

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sebab dia sudah terjemahkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Mengenai soalan yang kedua, dari segi apa yang saya maksudkan tadi, sifat-sifat yang wajar, maknanya nilai-nilai universal yang boleh diterima oleh semua kaum, boleh dijadikan sebagai unsur-unsur yang boleh diterima di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita.

BAYARAN ELEKTRIK DI LABUAN

8. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak menurunkan kadar bayaran tenaga elektrik di Labuan memandangkan pada masa ini kuasa tenaga Labuan dibekalkan oleh Sabah Gas Industry yang mempunyai kos pembekalan yang rendah, dan bilakah Lembaga Letrik Sabah hendak membekalkan tenaga elektrik ke kampung-kampung yang belum lagi dibekalkan dengan tenaga elektrik.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, bekalan elektrik di negeri Sabah dan sistem tarifnya dibuat oleh Lembaga Letrik Sabah. Oleh sebab itu tidak ada perbezaan tarif mengikut kawasan-kawasan dan untuk menjelaskan lagi, bekalan elektrik di kampung-kampung akan dibekalkan mengikut peringkat-peringkat.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan hanya sebahagian sahaja tenaga elektrik yang dikeluarkan oleh Sabah Gas Industry (SGI) digunakan oleh pengguna-pengguna dan industri-industri yang ada di pulau tersebut. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan

untuk mengalirkan lebih tenaga elektrik ini ke tempat-tempat lain terutamanya ke kawasan tanah besar Sabah yang berhampiran yang masih belum mempunyai kemudahan elektrik supaya lebih tenaga elektrik ini dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk membekalkan tenaga elektrik bagi ke seluruh kawasan Sabah dan juga Pulau Labuan, seperti yang saya katakan tadi, dibuat oleh Lembaga Letrik Sabah dan jika ada berlebihan berbanding dengan perbelanjaan untuk membekalkan tenaga ini tidak menelan belanja yang begitu banyak, kemungkinan perkara ini dapat dijalankan. Tetapi sekiranya pengagihan ini akan menelan belanja yang begitu banyak, tambahan lagi untuk menyeberangi satu selat, maka kemungkinan perkara ini tidak dapat dijalankan.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan adakah kadar bayaran tenaga elektrik di Labuan berbeza dengan kadar yang terdapat di Sarawak dan Semenanjung? Jika ada, apakah perbezaan dan mengapa begitu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kadar letrik di Semenanjung adalah di bawah pengelolaan Lembaga Letrik Negara. Kadar elektrik di Sarawak di bawah Lembaga Letrik Sarawak (SESCO) dan di Sabah di bawah Lembaga Letrik Sabah. Untuk menentukan kadar perbezaannya yang lebih tepat, saya pohon notis.

PEMILIKAN BANK-BANK

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menerangkan mengapa Bank Negara diarah menangguhkan penguatkuasaan dua peraturan baru bank selepas hanya empat bulan iaitu.

- (i) berkait dengan pemilikan bank-bank di mana sesuatu badan tidak dibenarkan memiliki lebih 20% seperti dalam kes Bank of Commerce di mana Kumpulan Fleet dibenarkan memiliki 13% lagi untuk mencapai pemilikan 100%; dan
- (ii) tidak membenarkan faedah yang dibayar ke atas "non-performing loans" sebagai pendapatan yang memberi gambaran yang palsu akan untung-rugi bank-bank.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 23B Akta Bank, 1973 menghadkan pemegang saham oleh sesebuah syarikat dan individu atau syarikat keluarga milik individu kepada masing-masing tidak melebihi 20% dan 10% daripada saham-saham sesebuah institusi kewangan. Walau bagaimanapun, Seksyen 23G Akta Bank, 1973 memperuntukkan sebarang pengambilan atau pemegangan kepentingan saham dari mana-mana perbadanan sebelum berkuatkuasanya seksyen yang tersebut di atas adalah dikecualikan daripada had yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun secara pentadbiran, pemegang saham terbesar adalah digalakkan untuk mengurangkan pemegangan saham mereka kepada jumlah maksimum 51%. Berhubung dengan pembelian saham Bank of Commerce oleh Kumpulan Fleet, tidak ada perubahan dalam pengawalan telah berlaku. Kumpulan Fleet adalah merupakan pemegang saham terbesar dalam Bank of Commerce sebelum berkuatkuasanya polisi mengenai had pemegangan saham. Pembelian selanjutnya sebanyak 13.7% daripada saham bank tersebut yang telah dijual oleh pemegang minoriti telah diluluskan tertakluk kepada syarat bahawa pemegangan oleh kumpulan Fleet mestilah dikurangkan kepada had 51% seperti yang ditetapkan dalam tempoh dua tahun. Peraturan baru ini adalah dikenakan ke atas kesemua institusi-institusi kewangan.

Kerajaan telah membuat keputusan bahawa memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan yang telah menjejaskan peminjam-peminjam, garis panduan tidak sepatutnya dikuatkuasakan dengan ketat. Perlaksanaan garis panduan-garis panduan ke atas penanggungan faedah di atas pinjaman-pinjaman yang tidak dibayar atau dengan izin, non-performing loans, tidak diwajibkan, malahan penetapannya diserahkan kepada lembaga-lembaga pengarah tiap-tiap sebuah institusi kewangan untuk menentukannya. Oleh kerana garis panduan-garis panduan tersebut adalah terutamanya berasaskan prinsip-prinsip perakaunan bahawa pendapatan yang belum diterima, tidak sepatutnya tidak diakuinya, kebanyakan institusi-institusi kewangan telah menerima garis panduan-garis panduan tersebut secara sukarela sebagai satu cara berjaga-jaga atau, dengan izin, prudence. Bank Negara akan memastikan bahawa akaun-akaun institusi-institusi kewangan di bawah pengawalannya akan mencerminkan kedudukan-kedudukan sebenar keadaan kewangan mereka untuk melindungi keyakinan orang ramai terhadap sistem bank di negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa memandangkan keadaan ekonomi tidak baik maka garis panduan mengenai non-performing loans digantung atau ditangguhkan. Kalau begitu, kenapa garis panduan ini dikenakan dalam dua tiga bulan sahaja sebelum garis panduan ini diketepikan. Bukankah benar bahawa garis panduan ini dikenakan oleh kerana sebagai satu pengajaran daripada skandal BMF untuk mengelakkan perkara-perkara semacam skandal BMF berlaku dalam bank-bank dan institusi-institusi

kewangan di negara ini dan dengan ketepikan atau menanggukkan garisan panduan ini, bukankah ini bererti bahawa kepentingan-kepentingan tertentu sudah berjaya untuk ketepikan garis panduan yang mahu mempertahankan bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Kedua, bukankah Kementerian Kewangan sedar bahawa keadaan di mana Kerajaan selalu tukar peraturan-peraturan, garis panduan dalam dua tiga bulan, ini satu perkara yang tidak akan meyakinkan kepercayaan sesiapa yang mahu melabur. Kenapa, dengan izin, chop and change tiga empat bulan tukar peraturan, ada peraturan yang baru, dan tidak boleh consistant.

Ketiga, mengenai Bank of Commerce bukankah ini lagi satu contoh di mana garispanduan atau peraturan-peraturan Kerajaan benar diketepikan oleh kerana ada puak-puak atau kepentingan-kepentingan vested interest yang maha kuasa semacam Fleet Group iaitu holding Group UMNO.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya pun hairanlah kenapa perkara ini dikaitkan dengan BMF. Soalnya kenapa dikuatkuasakan pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu itu ekonomi tidaklah begitu buruk tetapi kita menganggapkan bahawa sesuai dikenakan perundangan ini, malah sewaktu kita membentang Rang Undang-undang berkenaan untuk dipinda sebenarnya bukanlah Rang Undang-undang itu dibuat dengan serta-merta tetapi difikirkan terdahulu daripada itu. Jadi, berkaitanlah dengan soalan yang kedua ini bukanlah kita tukar tiap-tiap dua tiga bulan. Sebenarnya, dalam soalan pun empat bulan dan ini pun sudah lama kita bermesyuarat, setidak-tidaknya enam tujuh bulan; dua tiga bulan ini tidak berapa betul. Ini yang sebut dua

tiga bulan ini agak sedikit-sedikit exaggeration sedikit, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun, dalam pada itu Kerajaan membuat pertukaran ini mengikut keadaan-keadaan tertentu. Itulah untungnya jadi "Kerajaan" boleh tukar bila sesuai (*Tepuk*). Dan tidak benar sebenarnya kita menukar mana-mana undang-undang untuk kepentingan seseorang individu, tetapi kita membuat pertukaran-pertukaran hanya apabila diperlukan dari kepentingan negara.

DISIPLIN/POLARISASI KAUM DI SEKOLAH-SEKOLAH

10. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengawasi kemerosotan disiplin dan polarisasi kaum di sekolah-sekolah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Utis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengambil pelbagai langkah konkrit bagi mengawasi kemerosotan disiplin dan polarisasi kaum di sekolah-sekolah. Di antara langkah-langkah konkrit yang sentiasa diberi perhatian dalam mengatasi masalah ini ialah:

- (i) peningkatan kecekapan guru-guru mengajar dalam matapelajaran - matapelajaran, melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel dan sebagainya;
- (ii) peningkatan kecekapan pengetua-pengetua dan guru-guru besar sekolah dalam hal-hal pengurusan sekolah, termasuk pengurusan disiplin murid-murid, melalui kursus-kursus bengkel dan sebagainya. Ini termasuk juga peningkatan interaksi di antara pelajar-pelajar;

- (iii) mengeluarkan buku-buku panduan seperti—Buku Panduan Am Disiplin, Buku Panduan Disiplin Sekolah Untuk Ibu bapa, Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan guru, Buku Panduan Penyalahgunaan Dadah dan lain-lain surat pekeling yang dihantar ke sekolah-sekolah, dari masa ke semasa;
- (vi) penegasan pelaksanaan gerakerja ko-kurikulum sekolah yang menitikberatkan penyemaian nilai-nilai pendidikan dan interaksi di kalangan murid-murid;
- (v) menubuhkan Unit Disiplin Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran dan penempatan pegawai-pegawai disiplin di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri;
- (vi) lain-lain program yang dilaksanakan dari masa ke semasa seperti menyambut Hari Kebangsaan, Pertandingan Pidato, Syarahan Agama, Sukan dan lain-lain yang juga melatih murid-murid supaya berdisiplin dan berinteraksi;
- (vii) Kementerian Pelajaran sudahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menentukan disiplin pelajar-pelajar ini terus terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan bahawa sebenarnya Dasar Pelajaran Kebangsaan sendiri pada keseluruhannya adalah bertujuan untuk meningkatkan disiplin murid-murid dan ianya juga adalah bertujuan untuk menyatupadukan murid-murid dan bangsa Malaysia keseluruhannya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah sebab-sebab berlakunya kemerosotan

disiplin pelajar-pelajar ini dan juga sebab-sebab berlakunya polarisasi kaum di sekolah-sekolah di negara kita sekarang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan yang di-Pertua, soal kemerosotan disiplin ataupun polarisasi kaum ini adalah soal subjektif. Soal yang kita tidak boleh pastikan sama ada ianya lebih teruk daripada dahulu ataupun tidak. Kerana tidak ada kajian yang objektif, yang spesifik yang secara logistik dan mengikut statistik menunjukkan pada masa kini keadaan kita lebih teruk daripada masa-masa lepas. Namun demikian, kita mesti fahami bahawa banyak perkara yang menyebabkan perkara ini berlaku. Satu, ialah ianya mungkin bermula di rumah. Disiplin ataupun kita hendak bercakap kedua-dua pun susah kerana perbezaan ini ada iaitu disiplin dan juga polarisasi kaum, yang berpolarisasi tidak semestinya tidak berdisiplin, yang berdisiplin tidak semestinya... dan sebagainya (*Ketawa*). Jadi, untuk menyenaraikan satu persatu sebabnya saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat memahami perkara ini. Ini berpunca daripada kita sendiri dan apabila kita itu tidak berdisiplin mungkin dan tidak berpolarisasi ataupun berpolarisasi maka kemungkinan ini terbawa-bawa oleh anak-anak kita di sekolah-sekolah. Dan memanglah menjadi harapan kita supaya Dasar Pelajaran Kebangsaan yang kita laksanakan pada masa sekarang ini akan dapat membawa kita menuju ke arah mendisiplinkan pelajar-pelajar kita dan mengurangkan polarisasi kaum di kalangan anak-anak kita. Moga-moga warganegara kita di masa yang akan datang akan dapat terus menjadi warganegara yang berdisiplin dan mengurangkan polarisasi kaum.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan, Bahasa Malaysia menjadi bahasa kebangsaan

adalah bahasa perantaran untuk memupuk perpaduan. Kalau ini menjadi dasarnya dan juga selepas digubal kurikulum baru "Panduan Bahasa Malaysia KBSR" oleh Atan Long untuk memupuk perpaduan, sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa terdapat kata-kata yang mencaci, yang menghina satu-satu kaum dalam negara ini? Dan kalau beliau tidak sedar, saya akan rujuk kepada muka surat 46 "Buku Panduan Bahasa Malaysia KBSR" oleh Atan Long di mana terdapat satu simpulan Bahasa berbunyi "Lidah Keling" (*Ketawa*)—saya rasa ini bukanlah satu perkara yang boleh dicitakawakan oleh kerana perkataan "Keling" disabit dengan kaum India. Dan kalau ini benar, dan erti yang diberinya "cakap seseorang yang selalu berubah-ubah" (*Ketawa*).

Jadi, bagaimanakah pengajaran di dalam KBSR iaitu Simpulan Bahasa seperti ini boleh memupuk perpaduan, manakala Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah untuk memupuk perpaduan dan tidakkah Kementerian Pelajaran sendiri menggalakkan polarisasi kaum melalui kurikulum ini? (*Tepuk*).

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan mengapa Yang Berhormat menimbulkan perkara ini kerana mungkin juga Yang Berhormat sendiri yang menimbulkan sesuatu yang tidak seharusnya ditimbulkan hingga menyebabkan polarisasi kaum. Buku yang ditunjukkan itu tidak semestinya apa yang terkandung di dalamnya itu adalah membuktikan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan itu tidak baik. Kerana sebagaimana kita sedia maklum, saya perkatakan tadi bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan yang kita laksanakan yang merangkumi keseluruhannya adalah bertujuan untuk menentukan supaya dapat kita hapuskan polarisasi kaum.

Namun demikian, memanglah mungkin ada perkara-perkara yang timbul seperti itu yang dalam pelaksanaan yang mungkin dianggap sebagai satu cara bagaimana kita menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi memang tidak menjadi niat kita kalau sekiranya itu memang wujud untuk menyentuh perasaan sesiapa dalam perkara ini. Tetapi saya rasa tidak semesti kalau sesuatu itu timbul dalam sebuah buku, tidak semestinya semua kandungannya tidak baik. Insya Allah, kita akan lihat perkara ini dan akan kaji kalau sekiranya apa yang berlaku itu memang sebenarnya menyentuh perasaan kaum.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat, dari segi logistiknya menganggap keadaan polarisasi kaum di sekolah-sekolah serius dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa setengah-setengah golongan guru yang memupuk semangat perkauman dan kalau sedar, apakah tindakan yang diambil untuk mencegah guru-guru berbuat demikian?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-pertua, soalan yang kedua, soal guru-guru yang ditanyakan sebab-sebabnya tadi saya sudah beritahu ataupun langkah-langkah yang kita ambil kita sudah beritahu dalam jawapan saya tadi. Untuk mencegahkan itu pun begitu juga, termasuk langkah-langkah yang kita ambil. Saya rasa tidak timbul soalan seterusnya daripada ini kerana kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan supaya langkah-langkah ini akan dapat membanteras polarisasi kaum di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru di sekolah-sekolah kita.

Tugas ini bukan hanya tugas kita tetapi tugas Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga supaya bersama-sama kita menjaga keharmonian bangsa negara kita dan tidak menimbulkan perkara-perkara yang menyentuh

ataupun membawa kepada polarisasi kaum yang tidak diingini di negara kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa negara demokrasi seperti Malaysia ini banyak memberi kebebasan kepada akhbar-akhbar dan juga lain-lain pihak untuk menyuarakan pendapat. Kadang-kadang pendapat tersebut bagi orang yang tengok sekali lalu boleh mewujudkan polarisasi kaum terutamanya di kalangan pelajar-pelajar.

Sebagai contohnya, perbincangan di Parlimen ini kadang-kadang bagi pemerhati-pemerhati seperti pelajar-pelajar yang tidak faham, dia mentakrifkannya dengan cara yang lain.

Yang keduanya, akhbar-akhbar yang kadang-kadang menyuarakan cara terbuka pandangan-pandangan yang kadang-kadang bercorak perkauman. Apakah cara-cara Yang Berhormat fikir untuk mengatasinya berhubung dengan masalah demokrasi tadi.

Yang ketiganya, apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat satu sudahlah. Masa tidak mengizinkan. Satu sahaja, biar dia jawab yang itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah komen-komen, dengan izin, daripada orang luar dalam akhbar ini, saya rasa bukanlah tanggungjawab pihak Kementerian Pelajaran kerana ia adalah di bawah jagaan pihak Kementerian lain. Jadi, saya rasa dalam aspek ini, dalam bidang ini, ia tidak seharusnya ditimbulkan kerana ia tidak perlu timbul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut berakhir.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

SISTEM POSKOD

11. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem Poskod yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan perbelanjaan yang begitu tinggi dan bagaimanakah cadangan menggunakan komputer untuk memproses surat-surat akan dapat mempercepatkan hantaran kepada alamat-alamat yang mempunyai poskod.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sistem Poskod Kebangsaan yang telah dilancarkan pada 1 Oktober 1985 adalah merupakan peringkat pertama ke arah memodenkan perkhidmatan Jabatan Pos. Semenjak pelancaran, pencapaian adalah 80% iaitu 30% lebih tinggi daripada apa yang dijangkakan. Ini adalah disebabkan, publisiti yang teratur yang telah dijalankan.

Peringkat kedua merupakan penggunaan mesin-mesin pengisih automatik yang mempunyai keupayaan mengisih sebanyak 25,000 pucuk surat sejam dibandingkan dengan keupayaan manual di bawah 2,000 pucuk surat sejam. Dengan menggunakan mesin-mesin pengisih automatik yang berkeupayaan tinggi itu maka adalah dijangka surat-surat akan dapat disisih dan dihantar dengan lebih cepat lagi. Urusan pembelian mesin-mesin ini sedang dijalankan.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI DAERAH

12. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Menengah Vokasional di setiap daerah dan jika ia, bilakah ia akan dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran memang merancang hendak membina sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Menengah Vokasional di setiap daerah. Ia akan dapat dilaksanakan sepenuhnya apabila ada peruntukan.

Pada masa ini, Sekolah Menengah Vokasional yang sedia ada berjumlah sebanyak 27 buah. Bilangan Sekolah Menengah Vokasional yang telah diluluskan hingga akhir Rancangan Malaysia Keempat yang sedang/akan dibina sebanyak 34 buah. Oleh itu jumlah Sekolah Menengah Vokasional yang sedia ada dan yang telah diluluskan hingga akhir Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 61 buah. Dalam Rancangan Malaysia Kelima telah dicadangkan supaya ditambah sebanyak 21 buah Sekolah Menengah Vokasional.

JALAN PERSISIRAN PANTAI DI PULAU PINANG

13. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapa cadangan pembinaan jalan pantai dari persimpangan jambatan Pulau Pinang ke pengkalan Weld tidak dijalankan.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya sememangnya ada cadangan untuk membina jalan persisiran pantai di Pulau Pinang yang dinamakan "North Coastal Road", tetapi

rancangan itu terpaksa dibatalkan buat sementara waktu kerana perlaksanaannya telah mengalami banyak kesukaran. Di antara kesukaran itu ialah terdapat ramainya setinggian-setinggian di sekitar jalan yang hendak dibina itu yang mana Kerajaan memerlukan jumlah wang pampasan yang besar untuk menempatkan mereka-mereka itu semula.

Satu cadangan penswastaan juga telah dibuat dengan cara menebus guna tanah (reclamation) seluas lebih kurang 540 ekar, yang mana hasil penjualan tanah yang ditebus guna itu akan digunakan antara lain untuk membiayai pembinaan jalan persisiran pantai. Walau bagaimanapun cadangan penswastaan itu telah tidak berjaya, kerana pihak swasta yang telah mengemukakan cadangan penswastaan itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat penswastaan yang dikehendaki. Oleh kerana masalah-masalah tersebut dan di samping kewangan Kerajaan tidak mengizinkan, maka Kerajaan telah membatalkan cadangan itu.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

14. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah sebab-sebab sebenar penswastaan Jabatan Telekom terpaksa ditangguhkan, dan apakah perkara-perkara yang belum dibereskan seperti yang diumumkan oleh Menteri dan bilakah tarikh penswastaan yang baru.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya telah menjawab soalan serupa ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Setar, Dr Abdul Hadi bin Derani pada 9-10-86.

Saya tidak ada perkara-perkara lain yang hendak ditambah.

RUMAH KOS RENDAH DI LABUAN

15. **Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian Perumahan bercadang hendak mengadakan rancangan rumah kos rendah yang berharga \$25.000 sebuah yang ada di Semenanjung ke Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan ramai penduduk-penduduk terutama sekali kaum Bumiputra tidak memiliki rumah, ini sejajar dengan skim pinjaman khas perumahan yang sedia ada.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Sepertimana Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, program khas pembinaan rumah awam kos rendah sebanyak 80.000 unit setahun adalah satu program yang melibatkan semua Negeri di Malaysia, termasuklah di Wilayah Persekutuan. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di masa-masa yang sudah, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan Labuan sama seperti lain-lain kawasan di Malaysia. Justeru itu program khas pembinaan rumah kos rendah akan dilaksanakan di Labuan sekiranya penduduk-penduduk di pulau itu memerlukannya.

HAKMILIK STRATA

16. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengiktirafkan hakmilik "strata" (strata titles) di bawah Kod Tanah Kebangsaan (National Land Code) memandangkan bahawa pemaju-pemaju bangunan pejabat lebih suka menjualkan ruang-ruang pejabat dari menyewakannya;

- (b) apakah status perundangan (legal status) pemunya-pemunya hakmilik "strata" seperti dalam kes-kes pembelian "apartment", lot-lot kedai dan ruang pejabat.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):

- (a) Soal mengiktirafkan hakmilik strata di bawah Kanun Tanah Negara tidak timbul kerana hakmilik-hakmilik strata yang didaftarkan bagi petak-petak dalam bangunan yang berbilang tingkat adalah hakmilik yang tidak boleh disangkal, dan dijamin oleh Kerajaan. Hakmilik-hakmilik berasingan bagi petak-petak dahulunya dikenali sebagai hakmilik subsidiari dan peruntukan-peruntukan mengenainya sedia wujud dalam Kanun Tanah Negara yang berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1966. Peruntukan-peruntukan tersebut telah dikeluarkan dari Kanun Tanah Negara dan sebuah undang-undang berasingan bagi hakmilik strata telah digubalkan untuk memenuhi keperluan-keperluan pembangunan dan sosio-ekonomi semasa. Akta Hakmilik Strata ini telah mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1985 dan hendaklah dibaca seolah-olah ianya sebahagian dari Kanun Tanah Negara. Hakmilik-hakmilik berasingan yang didaftarkan bagi petak-petak kini dikenali sebagai "hakmilik strata". Tuanpunya yang didaftarkan bagi sesuatu petak menikmati hak-hak seorang tuanpunya tanah, misalnya hak untuk mengurusniaga petaknya, memecah dan menyatukan petaknya dan sebagainya.

(b) Dari segi status perundangan bagi pemilik-pemilik petak, mereka mempunyai hak-hak terhadap petak-petak mereka seperti hak-hak yang diberikan kepada seorang tuannya tanah di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara. Pemilik-pemilik petak (sama ada petak kediaman, kedai atau ruang pejabat) boleh membuat urusniaga terhadap petak mereka misalnya, mereka boleh memindah milik petak atau menggadaikan petak-petak mereka untuk mendapat pinjaman dan sebagainya. Di samping itu, mereka berhak untuk memecah atau menyatukan petak-petak mereka. Berhubung dengan harta bersama (common property), mereka mempunyai hak untuk menggunakan harta bersama itu seolah-olah mereka adalah pemilik bersama co-proprietors). Hak-hak ini sedia termaktub dalam Seksyen 34 Akta Hakmilik Strata.

**RANG
UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE
DALAM
MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG
KEWANGAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri

Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG
UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1987**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535.390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (27hb Oktober 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat dibenarkan selama 20 minit sahaja lagi.

3.38 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat melanjutkan tempoh perbincangan kepada tambahan 2 jam sehari kerana kalau tidak, perbincangan akan menjadi pertandingan bacaan laju.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jika pertanggungjawaban kewangan wujud ekonomi negara kita mungkin tidak dapat dilemahkan dengan skandal-skandal kewangan seperti skandal BMF atau skandal koperasi. Kami dalam DAP telah berkali-kali menyeru kepada Kerajaan supaya menegakkan lagi pertanggungjawaban serta disiplin kewangan di dalam negara. Seruan kami menjadi lebih cemas dan mendesak apabila beberapa syarikat kredit seperti Setia Timur Kredit Sdn. Bhd. gagal untuk menepati tuntutan wang penyimpanan-penyimpanannya. Reaksi Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat Barisan Nasional adalah sangat mengecewakan kerana mereka bukan sahaja menjadikan skandal-skandal ini sebagai senda gurau, bahkan juga menuduh rakyat tamak dan padan muka mereka. Adakah ini yang dikatakan menjaga kepentingan rakyat?

Yang Berhormat Menteri Kewangan pula pernah mempertahankan campur tangan Kerajaan.

Tuan Othman bin Abdul: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional mana

yang mengatakan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu? Sila sebutkan Ahli Yang Berhormat daripada mana?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Dato' Lee Kim Sai, Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Menteri apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Menteri Buruh, pernah mengatakan demikian sebagai salah satu buktilah. Saya berharap Yang Berhormat itu dapat meneliti isi-isi kandungan dahulu kerana masa tidak mengizinkan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan pula pernah mempertahankan campurtangan Kerajaan yang berlebihan dalam badan-badan awam serta sektor swasta, terutamanya menerusi pemilikan ekuiti dengan mengalihkan perhatian rakyat jelata kepada pernyataan bahawa pemilikan ekuiti kaum bumiputera telah mencapai tingkat 18%, sementara yang lain 57% angka-angka seperti ini tidak membahayakan keadaan yang sebenarnya.

Pencapaian milikan ekuiti yang merupakan penglibatan individu tersangat kecil dan biasanya dilakukan oleh perbadanan-perbadanan dan syarikat-syarikat awam. Sama ada golongan Melayu yang miskin, benar-benar memperolehi faedah daripada aktiviti pelaburan ini amat diragui. Walaupun perbadanan-perbadanan ini dikatakan berlabur bagi pihak komuniti bumiputera, mereka yang mendapat faedah secara langsung adalah golongan "elite" dan pegawai-pegawai tinggi yang berpeluang menggunakan kemudahan kewangan yang disediakan. Helah untuk mengalih perhatian rakyat dengan melaung-laungkan pemilikan ekuiti 57% bukan bumiputera dalam

Konvensyen UMNO tahun ini merupakan taktik Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tidak wajar. Selain dari menghasut sentimen berbilang kaum, angka tersebut adalah sangat mengelirukan. Di antara pemilik-pemilik ekuiti 57% itu berapakah terdiri dari orang-orang asing yang bermastautin di Malaysia? Difahamkan bahawa terdapat 25% hingga 30% syarikat boneka. Siapakah yang benar-benar memiliki ekuiti syarikat-syarikat boneka ini? Soal pokoknya berapa orang di negara ini yang mempunyai ekuiti sektor koperat. Begitu juga dengan helah-helah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Yang Berhormat dari Kok Lanas untuk mengalihkan perhatian ahli-ahli UMNO dan rakyat daripada krisis keyakinan dan krisis struktur ekonomi dan perubahan di dalam UMNO sendiri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat ada yang minta penjelasan!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Bolehkah Yang Berhormat dari Kepong membuktikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri jalan tak?

Dr Tan Seng Giaw: Masa tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Bolehkah Yang Berhormat dari Kepong membuktikan tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita membuat berbagai-bagai helah untuk mengabui mata orang ramai.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Berendam itu hendak menonjolkan diri menjadi jaguh, hendak mempertahankan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ini jelas kalau dia cabar.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Dewan yang mulia ini bukan tempat kita untuk menonjol diri untuk menjadi jaguh.

Saya merasa hairan Yang Berhormat dari Kepong telah berada di dalam Dewan ini agak masa yang lama kalau dibandingkan dengan Ahli-ahli yang lain. Tempat Dewan ini bukanlah untuk dijadikan tempat bersandiwara, janganlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat minta penjelasan atau.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: . . . Yang Berhormat dari Kepong berpura-pura memainkan perkataan-perkataan yang boleh menyayat hati seseorang itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa boleh buat, Yang Berhormat hendak naik hati, hendak berang.

Pengekalan dominasi melalui asas politik Malaysia dan perlanjutan Dasar Ekonomi Baru diwujudkan sebagai pokok perbincangan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, tunggu sekejap! Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Kok Wee Kiat: Saya minta penjelasan. Boleh beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beri jalan.

Dato Kok Wee Kiat: Yang Berhormat dari Kepong sentiasa menyebut negara kita ada krisis keyakinan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bagaimana beliau mengukur satu krisis khususnya krisis keyakinan? Apakah DAP ada satu cara scientific dengan izin, untuk mengukur yang dikatakan krisis ini? Bukankah pendapat beliau satu kesimpulan yang subjective and personal, dengan izin. (Tepuk)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri itu patut kaji semula pandangan, fikiran dan kebolehan beliau untuk mengendalikan hal-hal semasa, hal-hal harian di dalam Dewan ini kerana saya nampak ada satu krisis mengenai beliau sendiri bahkan juga saya berharap dia dapat meneliti dengan sebenarnya apakah krisis Yang Berhormat tidak dapat mengangkat sumpah di sini, itu satu krisis tidak pernah berlaku dalam sejarah 30 tahun kemerdekaan, itulah krisisnya.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, itu satu krisis DAP bukan krisis Kerajaan (Tepuk).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia di dalam parti yang salah, tidak mengakui MCA punya masalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan sahajalah, masa tidak banyak.

Dr Tan Seng Giaw: Sekarang pihak Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah tegas untuk menyelesaikan defisit dan aliran keluar wang dari ekonomi, salah satu daripada langkah-langkah ini yang seharusnya dilaksanakan pada tahun-tahun yang lalu adalah menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta. Mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan tindakan sedemikian mungkin boleh mengurangkan aliran keluar matawang asing melalui bayaran yuran persekolahan dan perbelanjaan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri sebanyak \$1.177 billion. Ini jelas menunjukkan pihak Kerajaan telah lalai untuk mengiktirafkan isu sebenar iaitu kekurangan kemudahan pendidikan tinggi di negara.

Galakan Belanjawan 1987 untuk menambahkan kemudahan di universiti-universiti tempatan dan menubuhkan lebih banyak kolej swasta serta membina 60 buah lagi politeknik adalah ke arah yang betul, akan tetapi Kerajaan seharusnya membenarkan penubuhan universiti swasta yang bertaraf antarabangsa dan mempertimbangkan cadangan untuk menswastakan setengah-setengah universiti tempatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong untuk menampung keperluan negara dan menjimatkan pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 38% atau \$7.812 billion daripada Perbelanjaan Mengurus adalah bagi bayaran gaji kakitangan Kerajaan. Selain daripada ini sejumlah \$1.5 billion juga disediakan untuk Skim Pinjaman Perumahan.

Menurut Belanjawan langkah Kerajaan untuk mengurangkan kos pengurusan juga melibatkan pengurangan saiz kakitangan melalui persaraan yang lebih awal, penempatan semula kakitangan yang berlebihan dan menghapuskan jawatan yang tidak diperlukan. Mula-mula sekali pihak Kerajaan tidak

mungkin menghadapi masalah saikakitangan sektor awam yang benar jika sektor awam tidak diperalatkan dengan membabitnya untuk merangka semula masyarakat di bawah "Operasi Isi Penuh" mulai tahun 1975. Tindakan ini lebih merupakan, dengan izin, "politicisation" Perkhidmatan Awam yang menjadi kubu kukuh polarisasi kaum. Sais Perkhidmatan Awam yang membebaskan ini seterusnya dipertahankan sebagai pelaksanaan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sekarang Belanjawan Kerajaan mengemukakan pembekuan kenaikan dan pengurangan gaji serta pembubaran atau pengurangan elaun Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Ini adalah langkah yang wajar terutama sekali bagi Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Namun demikian pihak Kerajaan harus menunjukkan keikhlasannya untuk berbuat demikian dengan memberitahu rakyat sejauh manakah pembubaran elaun mahupun pengurangannya yang akan dibuat. Rakyat yang berpendapatan rendah tidak harus dikenakan pembekuan atau pemotongan gaji mereka lebih-lebih lagi apabila ekonomi meleset. Nasib rakyat jelata sudahpun cukup sengsara dengan keadaan ekonomi yang buruk dan hidup seperti: abu di atas tunggul, datang angin terbanglah dia. Kita terpaksa berhentikan amalan membeli barang-barang mewah dengan wang rakyat sekiranya para Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai kanan menggunakan wang rakyat untuk membeli kereta dan rumah, maka adalah lebih wajar bagi mereka untuk memperolehi kereta-kereta berharga sederhana termasuk Proton Saga dan rumah sederhana. Di dalam sistem ekonomi campuran ini mereka dibenarkan mempunyai barang-barang mewah seperti kereta dan rumah yang dibiayai hanya dengan wang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tabiat pihak Kerajaan mengalihkan perhatian orang ramai daripada kenyataan juga telah menjelma dalam Belanjawan ini di mana di sebelah satu pihak, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengesyorkan bahawa jumlah peruntukan bagi skim pinjaman perumahan adalah besar dan dijangka meningkat lagi, di sebelah pihak yang lain, Yang Berhormat Menteri Kewangan pula berucap bahawa syarat-syarat kelayakan menerima pinjaman ini akan diketatkan dan juga bercadang untuk memindahkan sebahagian daripada pembiayaan ini kepada institusi-institusi kewangan.

Pengetatan syarat-syarat kelayakan akan mengurangkan bilangan mereka yang mendapat kemudahan ini. Di samping itu, ianya juga akan membuka peluang-peluang yang lebih banyak kepada setengah-setengah pegawai Kerajaan yang tidak jujur berlaku curang. Pemindahan pembiayaan skim perumahan kepada institusi-institusi kewangan juga berfungsi mengurangkan bilangan yang berjaya menerima kerana sudah tentunya syarat kelayakan di sektor swasta adalah jauh lebih sukar ditepati. Fakta ini bila beroperasi dengan faktor-faktor yang lain seperti peningkatan kadar bunga, pengurangan gaji dan inflasi, akan memperburukkan lagi perbezaan di antara mereka yang mampu dengan yang tidak mampu. Mereka yang mampu dapat dengan senangnya memperolehi pinjaman dan menambahkan pegangan harta tanah mereka manakala golongan yang tidak mempunyai rumah tetap ketinggalan. Oleh itu, adalah perlu bagi Kerajaan untuk meneliti aspek ini, supaya golongan yang lemah dapat dipertolongkan.

Tuan Yang di-Pertua, kempen untuk menjual Malaysia (selling Malaysia) tidaklah hanya terhad kepada sektor perumahan dan harta tanah, tetapi juga di dalam sektor

komersial. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyeru kepada usahawan-usahawan Jepun supaya menukarkan pinjaman mereka kepada Malaysia menjadi modal pelaburan. Menurut pandangan Kerajaan, tindakan ini berupa satu cara penyelesaian kepada peningkatan hutang negara kepada Jepun ekoran daripada kenaikan nilai matawang Jepun sekadar 42.2% tetapi juga dapat mengembangkan jumlah pelaburan asing ke dalam negara. Setakat ini, negara Jepun masih membisu mengenai seruan tersebut. Kejayaan rayuan Kerajaan dalam perkara ini adalah seperti bak kata pepatah, "sambil menyelam minum air". Oleh itu, Belanjawan ini telah memberi insentif-insentif yang banyak kepada pelabur-pelabur asing dengan seolah-olahnya membuka luas pintu masuk ke ekonomi negara.

Saya tidak menafikan bahawa langkah ini adalah ke arah yang betul, tetapi Kerajaan mestilah juga mengesyorkan bahawa langkah-langkah pencegah penguasaan ekonomi negara oleh pelabur-pelabur asing tidak terjadi. Kalau perhatian tidak diberi terhadap kemungkinan ini, maka bermulalah perasmian zaman kolonialisma ekonomi oleh negara-negara asing, terutamanya negara Jepun di Malaysia.

Akibat daripada Dasar Pandang ke Timur dan amalan yang tertentu usahawan Jepun telah menanamkan jumlah pelaburan sebanyak \$392.83 juta ke dalam ekonomi Malaysia menjelang tahun 1985. Dengan ini, negara Jepun merupakan pelabur asing yang paling besar di dalam negara. Tambahan lagi, negara Jepun jugalah rakan perdagangan kita yang utama. Bagi tujuh bulan yang pertama tahun ini, jumlah eksport negara kita ke Jepun bernilai sebanyak \$5.056 bilion atau 24.7% daripada jumlah besar eksport, sementara jumlah import dari Jepun bernilai \$3.302 bilion membentuk 20.5% daripada

jumlah besar import. Selain daripada ini, negara Jepun telah memberi pinjaman sebanyak \$3.165 bilion kepada Malaysia sehingga bulan Mac tahun ini.

Penguasaan Jepun ke atas ekonomi negara amat ketara tanpa keperluan menukarkan pinjaman Yen kepada modal pelaburan. Adakah kolonialisma ekonomi oleh Jepun akan bertambah kuat dan taringnya menghirup keluar dengan lebih kencang lagi sumber-sumber asas dari arus aliran ekonomi dan kewangan negara, sekiranya pinjaman-pinjaman ini ditukar menjadi modal pelaburan?

Dalam kesemua projek usahasama mahupun pelaburan dalam ekonomi negara oleh negara-negara asing, khasnya Jepun, termasuk kilang-kilang kain dan pakaian, kilang elektronik, kilang besiwaja, kilang kayu-kayan dan buatan kayu, termasuk perusahaan kereta—Proton Saga, Projek Gas Asli Cecair di Bintulu serta lombong tembaga di Mamut, Sabah, usahawan-usahawan asinglah yang beroleh keuntungan yang tidak terkira.

Tetapi, pihak Kerajaan bukan sahaja tidak mengakui kolonialisma ekonomi oleh Jepun, malah mengatakan bahawa rakyat Malaysia seharusnya berbangga kerana kita beroleh kemajuan dalam teknologi, walhal kita sebenarnya dieksploitasikan.

Saya hendak menekankan bahawa aspirasi rakyat untuk mencapai tahap teknologi yang tinggi adalah baik dan aspirasi seperti ini haruslah digalakkan. Sekiranya kita dapat membina secara komersial kereta, kapal terbang, roket, satelit, laser dan sebagainya, kita mesti merasa bangga. Akan tetapi, yang terpenting sekali adalah cara-cara untuk mempunyai teknologi dan kilang-kilang termoden.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam projek kereta nasional kita—Proton Saga yang diiklankan sebagai

satu kejayaan Malaysia, projek ini bukanlah satu kejayaan. Setakat ini, projek Proton Saga telah digunakan sebagai helah untuk mengalihkan perhatian rakyat. Projek ini merupakan satu projek mewah. Sumbangan kewangan HICOM dalam projek ini adalah sebanyak \$126 juta, iaitu 70% daripada jumlah besar modal yang sudah dibayar. Ini tidak mengambil kira baki \$380 juta yang dipinjam dari Bank Import-Eksport Jepun untuk pembinaan kilangnya.

Jika dibandingkan dengan industri pembuatan kereta Taiwan—Syarikat Motor Yue Loong, syarikat pembuat kereta yang terbesar sekali di Taiwan dan lebih berpengalaman daripada Malaysia yang baru sahaja mereka dan membuat kereta sendiri yang pertama selepas bertungkus lumus selama lima tahun, perbelanjaannya hanyalah sebanyak \$57.2 juta. Hasilnya adalah sebuah kereta yang mana hampir-hampir kesemua bahagian keretanya (kecuali "engine block" dan "crankshaft") berupa hasil buatan tempatan dan dibuat tanpa sebarang bantuan daripada negara asing.

Proton Saga pula bukan sahaja mengandungi kandungan import yang tinggi-lebih daripada 60% tetapi juga memerlukan teknologi asing untuk menjayakannya. Sekarang, kos pengeluaran Proton Saga telah meningkat sekitar 15%, iaitu di antara \$3,562 hingga \$5,062 dengan kenaikan nilai matawang Yen. Ekoran daripada peningkatan harga jualan ini, permintaan bagi Proton Saga telah turun sebanyak 46.1% menjelang bulan Julai tahun ini. Pengetatan pinjaman kereta Kerajaan kepada kakitangannya—pembeli utama kereta nasional akan memburukkan lagi permintaan berkesan bagi Proton Saga. Maka, Malaysia yang membiayai beban kenaikan kos manakala pihak Jepun beruntung dengan pertambahan pendapatan. Pendek kata, projek ini seolah-olah berjual pisang kepada monyet.

Adalah mustahak bagi Kerajaan untuk menafsirkan dengan sedalam-dalamnya projek Proton Saga supaya pengalaman Taiwan dan Korea Selatan dapat dipelajari. Apakah terjadi dengan industri sampingan untuk industri kereta? Kami berpendapat usaha-usaha untuk mewujudkan industri sampingan ini hendaklah dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai matawang Malaysia secara relatifnya serta penurunan nilai eksport sebanyak 8.2%—dari \$22.259 bilion kepada \$20.438 bilion bagi tujuh bulan pertama tahun ini disebabkan oleh kejatuhan harga barangan komoditi utama, telah merumitkan lagi krisis struktur ekonomi negara kita. Kecuali getah, harga kesemua komoditi utama yang lain—minyak kelapa sawit, timah dan petroleum—mengalami kejatuhan sekadar 39.7% hingga 61.3%.

Pada keseluruhannya, penurunan harga komoditi di pasaran dunia mengurangkan hasil pendapatan Kerajaan daripada cukai eksport menjadi \$1.14 bilion pada tahun lepas, iaitu kejatuhan sebanyak 35.4%. Penurunan harga barangan komoditi telah membawa kesan negatif kepada hasil pendapatan negara dan melemahkan lagi ekonomi kita. Walaupun pihak Kerajaan sedar bahawa harga barangan komoditi tidak mungkin mencapai tingkat harga setinggi tahun-tahun yang lalu, ianya tetap tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah struktur ekonomi agar tidak terlalu bergantung kepada eksport barangan komoditi. Kerajaan seharusnya menumpukan lebih perhatian ke arah mengurangkan pergantungan kepada eksport barangan komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga pasaran barangan komoditi juga mempunyai pengaruh yang negatif ke atas pembangunan sektor pertanian. Kemiskinan menjadi lebih melarat lagi terutama sekali di kalangan petani dan

pekebun kecil walaupun lebih daripada \$86 bilion telah dilaburkan ke dalam sektor pertanian sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Belanjawan bagi tahun ini pula menyediakan wang sejumlah \$1,623 bilion untuk bidang pertanian. Peruntukan pembangunan ini disalurkan ke dalam sektor pertanian melalui berpuluh-puluh perbadanan pertanian Kerajaan di peringkat negara dan negeri seperti FELDA, FELCRA, JENKA, DARA, KEJORA, RISDA, KESEDAR, KETENGAH, MADA, KEDA, PORLA, PORIM, RRIM, LKIM dan lain-lain lagi.

Fungsi dan tugas di antara agensi-agensi tersebut bercanggah, malah kadangkalanya bersaing di antara satu sama lain, seperti FELDA, RISDA dan MARDEC yang bersaing dalam pemasaran getah. Ini hanya memberatkan lagi beban Perbelanjaan Mengurus Kerajaan, terutama sekali jika wang itu tidak digunakan dengan berkesannya. Di dalam Belanjawan ini, pihak Kerajaan memang telah bercadang untuk menggabungkan agensi-agensi yang mempunyai pertindihan-pertindihan fungsi. Saya berharap pihak Kerajaan akan mempertimbangkan terlebih dahulunya agensi-agensi tersebut. Selain daripada ini, ianya amat mustahak bagi pihak Kerajaan untuk mengadakan cara-cara pengawalan perbelanjaan agensi-agensi ini dengan lebih berkesan.

Kewujudan agensi-agensi Kerajaan ini masih gagal untuk membasmi kemiskinan, mahu pun meningkatkan hasil keluaran sektor pertanian dengan berkesannya. Kira-kira 55% daripada petani dan 44.7% daripada nelayan di sektor pertanian masih hidup di bawah garis kemiskinan. Skim ladang FELDA sangat terhad dalam kebolehan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Hanya 29.1% daripada rumahtangga peladang FELDA

berpeluang untuk meningkatkan pendapatan mereka daripada kerja tambahan dengan pihak pengurus FELDA masing-masing.

Peluang perniagaan di dalam skim FELDA hanya berjaya meningkatkan pendapatan 15.9% daripada keluarga FELDA sementara sebarang kerja pertanian di luar skimnya hanya menguntungkan 1.7% daripada keluarga FELDA sahaja. Kesukaran mencari rezeki telah menyebabkan 90% daripada generasi kedua skim-skim FELDA meninggalkan sektor pertanian selepas mereka berumur 25 tahun ke atas.

Walaupun dengan adanya agensi-agensi ini luas tanah terbiar masih bertambah menjadi 2.3 juta hektar di samping lebih kurang 200,000 hektar tanah perlombongan di negeri Perak dan negeri Selangor menjelang tahun ini. Bagi setiap tahun tanah terbiar tidak diusahakan, ekonomi kita kehilangan sekurang-kurangnya \$1.6 bilion. Penyaraan diri (berdikari) tidak mungkin terjadi manakala kos pengeluaran pertanian melambung tinggi. Setakat ini, negara kita dilaporkan mencapai tahap penyaraan diri sebanyak 60 hingga 65% sahaja. Kos pengeluaran yang tinggi melemahkan usaha menjimatkan perbelanjaan import beras dan bertentangan dengan objektif Dasar Pertanian Negara. Kita mungkin dapat menjimatkan wang \$104 juta dari pengurangan import beras sebanyak \$150,000 hingga \$200,000 metrik tan, tetapi berapa pula kita perlu melaburkan di dalam sektor pertanian demi mencapai tahap pengeluaran yang dikehendaki.

Selain daripada ini, tanah terbiar bererti sumber-sumber alam semula jadi negara kita tidak dipergunakan dengan sepenuhnya. Kegagalannya untuk menggunakan sumber-sumber alam semulajadi dengan berekonomik merumitkan lagi kemiskinan, kebajikan dan proses pembangunan

sektor pertanian, dan seterusnya ekonomi negara. Tetapi pihak Kerajaan lebih rela memandang kepingan-kepingan tanah terbiar daripada memberikan kepada mereka yang mampu dan berminat untuk mengerjakan tanah apabila dasar-dasar pembangunan pertanian dilaksanakan mengikut garis mendatar kaum. Contohnya, pada awal tahun ini empat orang operator kolam ikan Cina yang haram di Semenyih, Negeri Selangor, dan kolam-kolam ikan mereka dimusnahkan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Pejabat Tanah dan anggota Polis Ulu Langat. Walaupun saya tidak dapat menafikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulong, sudah terlebih bagi injury time, 3 minit.

Dr Tang Seng Giaw: Ya. Walaupun saya tidak dapat menafikan bahawa tapak kolam ikan tersebut berada di atas tanah Kerajaan yang terbiar, pertimbangan tidak langsung diberi kepada inisiatif keempat-empat operator yang bertungkus lumus mengusahakan kepingan tanah terbiar itu. Dasar yang liberal dan lebih wajar bagi penggunaan tanah adalah sangat diperlukan seperti cadangan Yang Berhormat dari Tanjung semalam.

Tuan Yang di-Pertua, alasan Kerajaan bagi keadaan kewangan ekonomi negara adalah kelemahan sektor luar negeri yang turut menjejaskan pengembangan ke ekonomi kita. Pihak Kerajaan telahpun mengakui dirinya telah mengambil usaha-usaha yang gigih untuk mengurangkan perbelanjaan semenjak tahun 1982. Namun begitu, projek-projek mewah seperti DAYABUMI, Jambatan Pulau Pinang, KOMTAR, dan pusat-pusat rekreasi yang mahal-mahal belaka berjaya didirikan dalam jangka masa ini. Semua negeri tidak mengakui projek-projek yang mereka

laksanakan itu adalah mewah. Salah satu kelemahan di dalam Belanjawan ini ialah kegagalan Kerajaan untuk mengadakan garispanduan mengenai apa yang disebutkan sebagai projek mewah. Garispanduan seperti ini diperlukan untuk mencegah kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya rakyat tidak lagi merayu, memohon, meminta atau mendesak Kerajaan, akan tetapi menuntut supaya para pemimpin yang mengendalikan Kerajaan memberhentikan semua helah untuk mengalihkan perhatian rakyat. Kami memberi amaran kepada Kerajaan supaya mereka jangan terus menggunakan helah-helah seperti ini, seperti menjadikan perlanjutan gara-gara pelaksanaan DEB sebagai isu perkauman, melaung-laungkan dominasi Melayu asas politik Malaysia, dan memperheboh-hebohkan projek-projek mewah. Taktik mengheboh-hebohkan isu-isu tersebut supaya mengalihkan perhatian rakyat daripada isu-isu pokok seperti krisis struktur ekonomi termasuk skandal-skandal kewangan menunjukkan para pemimpin Kerajaan kurang rasional, kurang waras. Rakyat Malaysia berkehendakkan golongan yang menguasai Dewan ini lebih siuman, lebih membela kepentingan mereka. Rakyat memerlukan para pemimpin yang mempunyai keberanian dan keazaman untuk menghadapi krisis struktur ekonomi yang semakin hari semakin teruk. Keseluruhan ideologi dan strategi pembangunan negara hendaklah diperbaharui dalam ertikata yang sebenarnya untuk: menghadapi cabaran krisis struktur ekonomi yang terbesar di dalam sejarah negara ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.05 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada negara di dunia ini yang terlepas dari akibat kemelesetan ekonomi dunia seperti yang berlaku sekarang. Tiap-tiap Kerajaan di dunia mempunyai objektif, strategi dan polisi sendiri untuk mengatasinya tanpa menjejaskan aspirasi negara. Kebijaksanaan atau tidaknya sesuatu Kerajaan itu dapat dilihat pada masa-masa kritikal seperti sekarang, khusus di dalam usahanya menimbang tilik pilihan-pilihan yang ada padanya di dalam aktiviti membuat budget tahunannya. Kebolehan membuat pilihan-pilihan ini tanpa menjejaskan mana-mana sektor atau puak secara berlebihan dan di samping itu membahagi-bahagikan manfaat pada tiap-tiap sektor mencerminkan kecekapan Kerajaan itu.

Tuan Yang di-pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pasukannya yang telah berjaya menyediakan rangka Belanjawan tahun 1987 yang sangat pragmatik dan realistik. Saya penuh yakin bahawa Perbelanjaan tahun 1987 ini akan menyumbangkan lagi kepada kejayaan Kerajaan yang telah ditunjuk di dalam mengurus perbelanjaan negara semenjak dua tahun kebelakangan ini. Saranan yang menyatakan bahawa Kerajaan melakukan economic mismanagement adalah tidak berasas sama sekali.

Laporan Bank Negara pada tahun 1985 telah menunjukkan, di antara tahun 1982 dan 1985 keupayaan Kerajaan mengurangkan twin deficit, dengan izin, di dalam bentuk fysical Budget, dengan izin, sekali lagi dan Akaun Semasa Perimbangan Bayaran adalah sangat menggalakkan. Pada tahun 1985 pendapatan negara adalah sebanyak \$72,300 juta berbanding

dengan pendapatan sebanyak \$74,300 juta pada tahun 1984. Kekurangan ini adalah pada kadar 2.7%. Walaupun kekurangan ini berlaku Kerajaan masih mempunyai kelebihan sebanyak \$3,500 juta di dalam akaun mengurusnya, tetapi oleh sebab Kerajaan membelanjakan sebanyak \$6,500 juta untuk pembangunan negara deficit berlaku pada kadar \$3,000 juta ataupun 4.1% daripada GNP, dengan izin. Kadar ini masih lagi di dalam paras lama. Pendapatan Kerajaan pada tahun 1986 ini adalah dijangka sebanyak \$19,158 juta berbanding dengan pendapatan pada tahun 1985 sebanyak \$21,114 juta. Kadar penurunan ini adalah sebanyak 9%. Kita belum lagi mendapat angka-angka perbelanjaan sebenar untuk tahun 1986 ini, tetapi saya harap segala langkah Kerajaan untuk menjimat perbelanjaan akan mencapai matlamatnya. Pada tahun 1987 ini sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, pendapatan Kerajaan adalah dijangka menurun lagi, angkanya ialah \$18,021 juta.

Sebagaimana kita dimaklumkan bahawa jumlah perbelanjaan Kerajaan pada tahun 1987 ini adalah sebanyak \$27,412 juta. Daripada jumlah ini Belanja mengurus sahaja ialah sebanyak \$20,739 juta. Ini bermakna bahawa pendapatan pada tahun 1987 ini tidak dapat menampung Belanja Mengurus.

Kekurangannya daripada Belanja Mengurus ialah \$2,718 juta dan jumlah kekurangan pada keseluruhannya ialah \$9,000 juta. Walau bagaimanapun, saya harap defisit yang dijangka sebanyak \$9,000 juta lebih pada tahun hadapan, iaitu tahun 1987 itu tidak akan dicapai. Dengan adanya tanda-tanda kenaikan barang-barang eksport kita pada masa ini dan juga kecekapan Kerajaan dan swasta mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti, saya harap

angkanya akan mengurang, tetapi defisit tetaplah defisit. Langkah-langkah untuk mengurangkan Belanja Mengurus mesti diperketatkan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pertama kali dalam sejarah negara kita terpaksa meminjam untuk membayar gaji dan mengurus perjalanan biasa Kerajaan. Kerajaan menghadapi dilema yang besar, iaitu perlukah ianya menambahkan usaha pembangunan yang sedang berjalan ataupun hanya beroperasi pada tahap yang ada.

Budget tahun 1987 ini nampaknya membayangkan bahawa Kerajaan akan terus menambahkan usaha pembangunan ini, tetapi dengan langkah-langkah yang dapat memastikan pengurangan kos mengurus. Pilihan yang dibuat oleh Kerajaan itu adalah amat wajar sekali kerana usaha-usaha pembangunan perlu ditambah, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan bertujuan meluaskan asas pengeluaran negara dan menyusun semula struktur ekonomi negara. Usaha menyusun semula struktur ekonomi ini dari yang berasaskan eksport barang-barang utama kepada struktur pengeluaran barang-barang siap adalah satu usaha yang rumit, ianya memerlukan strategi dan policy yang terperinci dan realistik.

Apakah dasar-dasar pembangunan ekonomi yang ada sekarang ini mencukupi untuk menerima cabaran ini?

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Baginda di masa merasmikan Pembukaan Dewan ini tiga minggu yang lalu telah menekan betapa perlunya sebilangan dasar-dasar diubahsuai mengikut kehendak semasa. Saya menjunjung kuat saranan yang dibuat oleh Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada gagasan di atas, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai status pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara dan akibat sosial dan politiknya pada masa ini. Justeru itu saya ingin membuat cadangan-cadangan mengenai penguatkuasaan dasar-dasar yang ada dan di mana perlu wujudkan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa kelembapan ekonomi negara adalah disebabkan jatuhnya harga barang-barang utama kita di pasaran dunia yang selama ini menjadi penentu kepada nasib ekonomi kita. Kejatuhan ini pernah juga dialami pada masa-masa yang lampau di dalam sejarah ekonomi negara, tetapi lama kelamaan harganya pulih semula kepada kadar yang menguntungkan. Kita sebutkan proses ini, proses turunkan atau, dengan izin, "cyclical process", tetapi pada pendapat saya penurunan kali ini berkemungkinan besar merupakan satu penurunan yang susah hendak pulih semula kepada tahap yang dapat memberi keuntungan yang lumayan kepada kita. Sudah lama kita bergantung kepada barang-barang utama di pasaran dunia yang mengumbang-ambingkan nasib kita. Kita telah lama mencakuk kekuatan ekonomi kita kepada pasaran bahan-bahan mentah ini.

Keupayaan kita untuk mengatasi pergantungan, dengan izin, "economic dependency" ini adalah terhad kerana pertama kali pasaran dalam negeri adalah kecil dan tahap produktiviti kita adalah masih rendah. Mahu tidak mahu kita terpaksa terus mengarahkan tujuan kita kepada pasaran dunia ini, tetapi kita telah pun mengubah strategi kita dengan mempelbagaikan bahan-bahan eksport, meningkatkan lagi nilai pertambahan ke atas barang-barang

eksport dan seterusnya mewujudkan "comparative advantage", dengan izin, melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan.

Strategi-strategi dan dasar-dasar yang menentukan arah tujuan yang tersebut telah diintipatikan dalam bentuk berikut:

- Dasar Pertanian Negara;
- Pelan Induk Pembangunan Industri Negara;
- Persyarikatan Malaysia;
- Dasar perindustrian Berat;
- Sogososha Malaysia;
- Penswastaan;
- Dasar Belilah Buatan Malaysia;
- Dasar Pengurangan Belanjawan Awam; dan
- Dasar Pandang ke timur.

Dasar-dasar ekonomi ini, bersama dengan Dasar Kependudukan dan Dasar Urbanisasi Negara, di dalam jangka panjang saya pasti akan membawa kepada pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun, di dalam jangka pendek, objektif Dasar Ekonomi Baru hendak mengurangkan kemiskinan akan tergendala memandangkan bahawa kemerosotan ekonomi negara bukan sahaja di dalam bentuk penurunan kadar pertumbuhan, tetapi ianya merupakan pengecilan ekonomi atau dengan izin, "contracting economy".

Menurut angka pertumbuhan GDP yang disemak semula oleh Bank Negara pada tahun 1985, pengecilan ekonomi ini berlaku pada kadar—1% walaupun pada awalnya anggaran pertumbuhan dibuat pada kadar 2.8%. Ini merupakan gejala yang buruk di dalam sejarah pembangunan ekonomi negara. Oleh itu, kita perlu hati-hati di dalam perencanaan dan

perlaksanaan dasar-dasar ekonomi dan sosial mulai dari sekarang, guna memastikan satu pembangunan yang seimbang. Jika perlu, sebahagian dari dasar-dasar ini disemak semula.

Satu daripada dasar-dasar yang perlu disemak semula ialah Pelan Induk Pembangunan Ekonomi Negara. Saya telah meneliti Pelan Induk ini dan juga menghadiri satu taklimat yang diberi mengenainya. Saya mendapati bahawa walaupun ada tersebut di dalamnya mengenai industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan tempatan, penekanan mengenainya adalah sangat kurang, khususnya di dalam aspek berikut:

- (i) di dalam aspek lokasi atau penempatannya; dan
- (ii) penggunaan sumber-sumber tempatan yang diabaikan atau dengan izin, "slack resources" selama ini, seperti buluh, rotan, mengkuang, bertam, menerong, sekam padi, tanah liat, buah-buahan kampung dan lain-lain lagi.

Industri-industri kecil inilah yang akan menjadi penawar, dengan izin, "buffer" apabila berlakunya krisis ekonomi seperti sekarang. Ketahanan ekonomi Jepun, Taiwan dan Korea adalah disebabkan wujudnya satu rangkaian industri kecil yang berkaitan rapat dengan industri berat.

Pelan Induk ini hanya menekankan aspek lokasi industri-industri berat dan besar sahaja, justeru itu lokasi-lokasi yang mempunyai kelebihan modal dan prasarana, dengan izin, "factor endowment" seperti Butterworth, Penang, Taiping, Ipoh, Kuala Lumpur, Lembah Kelang, Seremban, Melaka, Batu Pahat, Johor Bahru, Kuantan dan Kuala Terengganu akan membolot faedah dari Pelan induk ini.

Kita sedia maklum bahawa jalinan pasaran ataupun, dengan izin "market intergration" yang kukuh hanya wujud di antara pusat-pusat modal yang saya sebut tadi. Jalinan pasaran inilah yang dimaksudkan sebagai "corridor", dengan izin, atau serambi pembangunan industri negara di dalam Pelan Induk itu. Di antara serambi ini dengan wilayah-wilayah sekelilingnya hanya terjalin jalinan pasaran satu hala di mana wilayah-wilayah ini bergantung segala kehendak-kehendaknya kepada pusat-pusat modal ini, maka terus terpinggirlah wilayah-wilayah ini, seperti di Kelantan, Perak Utara, Kedah, Perlis dan pedalaman Pahang, di perenggan Negeri Sembilan dan Melaka. Saya tidak sebutkan Sabah dan Sarawak kerana akibat dari proses ini tidak lagi terasa di sana. Pemikiran ini sudah tentu memburukkan lagi, dengan izin, "terms of trade" di antara pusat-pusat modal tadi dan wilayah-wilayah sekelilingnya. Maka jurang pendapatan di antara penduduk desa dan bandar akan lebih meluas daripada tahap yang ada sekarang. Ini akan menjejaskan usaha kita untuk menyusun semula masyarakat melalui strategi pertumbuhan dan pengagihan ekuiti secara saksama.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa selama ini pembangunan prasarana luar bandar belum lagi dapat mencetuskan kebolehan pertumbuhan yang tersendiri di desa itu. Ini ialah kerana segala pelaburan Kerajaan di luar bandar selama ini merupakan pelaburan asas atau, dengan izin, "sunken cost" yang menyediakan keperluan dan kemudahan sosial sahaja. Kalau pun ada fungsi ekonomi yang terwujud melalui jalanraya yang menghubungkan wilayah desa dan bandar hanya pemodal-pemodal bandar sahaja yang mendapat manfaatnya melalui eksploitasi perniagaan yang satu hala dan berat sebelah.

Oleh itu, saya harap pihak Pembangkang janganlah mengungkit-ungkit apabila Kerajaan mengagihkan peruntukan pembangunan ke kawasan luar bandar, malah negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang memerlukan lebih banyak, lebih dari \$14 juta hingga \$17 juta yang mereka dapati pada tahun ini, memandangkan bahawa kemudahan asas seperti air, jalan dan api masih lagi belum sampai kepada sebilangan besar penduduk-penduduk di pedalaman.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya diwujudkan jalinan pasaran yang konkrit di dalam Pelan Induk ini di antara pusat-pusat industri bandar yang duduk di dalam corridor pembangunan industri dan pusat-pusat industri desa. Pusat-pusat industri desa ini mestilah dipilih berasaskan kepada taraf kemiskinan penduduknya dan kewujudan sumber-sumber tempatan yang boleh dieksploitasikan dengan cekap.

Misalnya Pusat Industri Penang/ Butterworth boleh dikuatkan dan diseimbangkan jalinan pasarnya dengan keseluruhan wilayah Seberang Perai, Kedah Tengah dan Perak Utara melalui suatu sistem pembangunan wilayah yang meningkatkan taraf pekan-pekan kecil yang terpilih di dalam wilayah-wilayah ini. Peningkatan taraf ini mestilah dilakukan dalam bentuk mewujudkan industri-industri yang mengeluarkan barang-barang intermediate dan siap dari sumber-sumber tempatan yang selama ini diabaikan.

Di wilayah-wilayah inilah terdapat tanah liat, rotan, kayu-kayan, buluh, mengkuang, bertam dan buah-buahan kampung yang banyak dan barangan-barangan ini boleh disiapkan dan dibungkus untuk eksport di kompleks Perindustrian Penang/Butterworth.

Kita ingin melihat di dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi Kompleks Perindustrian Penang/ Butterworth akan hanya menumpukan aktivitinya kepada industri-industri berat dan sofistikated sahaja dan industri-industri yang boleh diagihkan kepada wilayah-wilayah sekelilingnya perlu digalakkan ke sana. Dengan itu, maka pergantungan ekonomi wilayah-wilayah ini kepada Penang/ Butterworth akan berkurangan. Hakikat ini adalah sama jika kita membincangkan penjalinan lain-lain pusat industri bandar dengan wilayah-wilayah di sekeliling mereka di negara kita ini.

Pelan Induk ini tidak mengambil hirau langsung tentang wujudnya kawasan-kawasan Pembangunan wilayah seperti di bawah Lembaga-lembaga DARA, KEJORA, KESEDAR, KEDA, PERDA, KETENGAH dan JENGA. Fungsi utama lembaga-lembaga ini ialah membina hiraki kependudukan yang berasaskan aktiviti mengeksploitasikan bahan-bahan pertanian dan lain-lain sumber tempatan ke arah satu struktur ekonomi perindustrian. Andainya diambilhiraukan, saya pasti suatu rangkaian pembangunan industri yang menyeluruh akan tercapai. Justeru itu, maka akan lebih berkesanlah pembangunan industri negara yang akan membawa manfaat sosio-ekonomi yang menyeluruh dari segi pengagihan kekayaan dan penempatan penduduk yang tersusun. Faktor kedua yang diringkaskan oleh Pelan Induk ini ialah penggunaan sumber-sumber tempatan yang selama ini diabaikan, dengan izin, select resources.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perencanan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Negara menunjukkan kepada kita bahawa kita terlalu sangat, dengan izin, pre-occupied dengan pembangunan-pembangunan sumber-sumber tradisional yang selama ini membawa pulang

pertukaran wang asing. Sumber-sumber ini ialah getah, kelapa sawit, nenas, koko dan bijih timah. Boleh dikatakan kebanyakan wang pembangunan sumber ataupun, dengan izin, R & D dicurahkan kepada pembangunan bahan-bahan ini.

Kita tidak nafikan bahawa sumber-sumber ini telah membawa kepada kekayaan negara kita, tetapi kita terlalu asyik dengan sumber-sumber ini sehingga beberapa lama kita berasa puas hanya dengan menjualkan mereka secara bahan-bahan mentah sahaja. Hanya apabila berlaku kejatuhan harga bahan-bahan mentah ini barulah kita tergesa-gesa cuba mengeluarkan barang-barang siap darinya sementara menunggu tercapainya kepakaran kita di dalam bidang ini terpaksa kita menanggung kerugian.

Apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah perencanan dasar ekonomi kita tidak begitu menyeluruh iaitu kita tidak menyediakan rencana-rencana ekonomi yang mencakup segala sumber-sumber yang ada di negara ini. Kita selama ini bergantung kepada satu kumpulan kecil sumber-sumber sahaja. Misalnya tiada langsung pelaburan penyelidikan dan pembangunan, dengan izin, R & D ke atas sumber-sumber lain yang berlambak di sekitar desa, seperti rotan, buluh, kayu-kayan dan lain-lain yang saya sebutkan tadi. Akibatnya apabila sumber-sumber eksport tadi mulai karam di dalam pasaran dunia, keupayaan kita menyediakan rakit penyelamat adalah terhad sekali dan penduduk miskin di desa yang bergantung kepada sumber-sumber ini menjadi bertambah miskin, walhal di sekeliling mereka bersepah sumber-sumber yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan. Pada hakikatnya kita selama ini mabuk dengan kekayaan yang dibawa oleh getah, bijih timah, kelapa sawit dan pada

masa ini petroleum. Kita mencemuh sumber-sumber lain sebagai tidak bernilai.

Misalnya Jabatan Hutan mengkategorikan rotan sebagai minor forest products, dengan izin, walhal rotan dari Malaysia yang merupakan tulang belakang industri kecil di Taiwan yang membawa kepada pendapatan di sekitar AS\$100 juta setahun. Jabatan Hutan juga mengkategorikan bertam sebagai weeds, dengan izin, ataupun rumput-rumpai. Weeds ataupun rumput-rumpai yang harus dibinasakan dengan menggunakan arsenic, tetapi bertam inilah yang menjadi pembawa rezeki utama di dalam ekonomi desa Indonesia.

Semenjak zaman British dahulu lagi tiap-tiap kali kita mengunjungi pameran hari ladang dan ekspo-ekspo, ke semua bahan-bahan ini ditunjuk dengan megahnya, termasuklah buah-buah kampung seperti buah sentol, buah kedondong, buah cermai, jambu biji, belimbing dan lain-lain lagi, tetapi sehingga hari ini kita mengimport bahan-bahan siap dari sumber ini sehingga jeruk sentol dan jeruk kedondong dimasuki dari Siam pada kadar \$180.000 sebulan melalui Pekan Bukit Kayu Hitam. Patut saya ingat Dewan yang mulia ini bahawa import barang-barang makanan sahaja ialah \$3,100 juta setahun dan dari Taiwan sebanyak \$300 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan di sini, kita mestilah berhenti berlagak seperti orang kaya. Lagak kita ini masih tercermin di dalam dasar-dasar yang kita keluarkan. Pelan Induk Industri Negara banyak dipengaruhi oleh gagasan, dengan izin, assumption and notion kilang-kilang yang besar, yang dibuat dengan besi dan konkrit. Kaitan atau lingkages, dengan izin, dari segi bekalan sumber, pasaran buruh dan barang dan penanaman

modal dalam ekonomi luar bandar hanya disebut sekali lalu sahaja, samalah dengan insiden mempamirkan buah kedondong, buah cermai, bertam, buluh, rotan dan lain-lain yang dilakukan semenjak zaman British dahulu lagi. Saya menyeru supaya syndrome ini dikikis di dalam Pelan Induk dan lain-lain dasar dan diperkuatkan lagi aspek-aspek lingkages, dengan izin, dengan ekonomi desa agar peminggiran ekonomi desa tidak berlaku yang akhirnya membawa kepada kemiskinan terus-menerus.

Saya sedar bahawa Pelan Induk ini disiapkan oleh pakar dari Korea, mungkin segala gagasan dan andaian yang menjadi latar belakang kepada sasaran-sasarannya di dalam Pelan Induk ini diambil dari pengalaman Korea.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja balik dari satu Seminar Pembangunan Ekonomi yang diadakan di Seoul, Korea minggu lepas. Di dalam seminar ini kita diberi tahu walaupun pembangunan industri Korea yang membawa kepada kekayaan negara Korea selama 15 tahun yang lalu, ianya juga membawa kepada masalah-masalah perbezaan pendapatan bandar dan desa yang mula meluas dan juga kepada kesesakan penduduk di Seoul dan bandar-bandar besar lain akibat dari penghijrahan desa ke bandar. Ini ialah hasil dari pembangunan industri secara corridor yang dibuat di dalam Pelan Induk tadi tanpa mempunyai jalinan kepada ekonomi desa dan ekonomi wilayah.

Sekarang ini Kerajaan Korea terpaksa mengadakan pula jalinan-jalinan ini yang jikalau dibuat awal-awal lagi ianya mungkin tidak menelan belanja yang banyak seperti sekarang dan banyak kilang-kilang Samuel Undong yang kita cuba meniru dahulu itu terpaksa ditutup disebabkan ketiadaan pekerja mahir dan jalinan

pasaran wilayah di dalam bentuk pekan-pekan kecil yang memberi khidmat ekonomi dan sosial yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru sebelum terlambat, biarlah kita pelajari pengalaman Korea yang paling akhir itu iaitu satu gejala yang pakar dari Korea itu tidak sempat menelitinya dua tahun yang lalu. Kalau tidak kita mungkin mencapai tahap kekayaan yang disarankan, tetapi banyak penduduk di negara ini akan terpinggir dari kekayaan ini.

Di dalam hal peminggiran dan hal kemiskinan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai pentingnya pendekatan secara regional development, dengan izin, ataupun pembangunan wilayah di dalam menentukan keadilan pembahagian kekayaan negara. Saya biasa terdengar dahulu bahawa di kalangan Kerajaan ada dipersoalkan tentang kewajaran pendekatan ini dan justeru itu justifikasi kewujudan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Pembangunan wilayah adalah satu pendekatan yang mencakupi segala aspek aktiviti ekonomi yang dipadankan dengan aturan pusat-pusat penduduk dan pasaran. Pendekatan yang realistic ini, dengan izin, sahajalah yang boleh mengintegrasikan ekonomi desa yang selama ini tersingkir dari ekonomi nasional dan justeru itu mengatasi masalah kemiskinan.

Kekesannya dapat dibuktikan secara saintifik, malah di negara kita sendiri, saya sebutkan satu misalan; Rancangan Pengairan Muda di Perlis dan Kedah dibangunkan bukan secara pembangunan wilayah, ia dibangunkan secara "sectoral". Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ataupun MADA hanya diberi kuasa menanam padi sahaja, tidak lebih dari itu. Selepas 4 tahun dan 8 musim rancangan ini dijalankan, satu kajian

dibuat oleh Bank Dunia mengenai pengagihan pendapatan, atau "social accounting", dengan izin. Adalah didapati projek ini sangat menguntungkan sekali kepada negara, malah Bank Dunia ada mengakui di dalam laporan akhirnya bahawa Rancangan MUDA adalah satu-satunya rancangan yang paling berjaya yang biasa dibiayainya. Kita semua berasa bangga dengan pencapaiannya. Pegawai-pegawai MADA juga berbangga dengan penghargaan yang diberi oleh Bank Dunia mengenai ketinggian profesionalismenya, tetapi satu paragraph di dalam Laporan Bank Dunia ini tidak diteliti oleh kita. Paragraph ini menyatakan bahawa daripada tiap-tiap \$1 nilai bertambah yang diakibatkan oleh projek ini, 70 sen mengalir kepada ekonomi bandar, hanya 30 sen sahaja yang tinggal di dalam ekonomi tempatan dan ekonomi desa. Pengaliran kepada ekonomi bandar ini kebanyakannya pergi ke Penang, Kuala Lumpur dan Ipoh. Alor Setar, Kangar dan Sungai Petani hanya mendapat sisa-sisa sahaja. Mengapa tidak, segala modal dan perkhidmatan mesin-mesin pemotong padi yang bernilai \$70 juta misalnya, semuanya datang dari Kuala Lumpur, Penang dan Ipoh. Yang paling aneh sekali ialah orang-orang di Perlis dan Kedah memakan bihin yang dibuat di Melaka daripada beras MADA.

Misalan yang saya ceritakan ini menunjukkan bahawa jikalau pendekatan pembangunan ekonomi kita dibuat secara "sectoral" yang saya sebut tadi seperti yang dibuat di MADA, maka pembahagian kekayaan menjadi tidak sama rata. Saya akur dengan hujah ekonomi yang mengatakan bahawa gejala pembahagian 70:30 ini adalah kesan lumrah di dalam pembangunan secara "sectoral" dan bermodelkan capitalistic development, dengan izin. Tetapi apakah kita harus tunduk kepada teori ekonomi ini tanpa usaha

untuk mengubah coraknya? Kalau kita mengikut teori ini, pembahagian saksama adalah dibuat oleh Kerajaan melalui subsidi dan program sosialnya, tetapi apakah kita dapat menerima pembahagian secara 100% capitalist ini dalam usaha kita membina negara melalui integrasi ekonomi bandar dan luar bandar secara bermakna?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selalu bersungut mengenai "subsidy syndrome", dengan izin, yang membawa kepada kelembehan bangsa kita. Jawab saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah hentikan pendekatan pembangunan secara "sectoral" ini dan penghentian ini mesti bermula dari revolusi mental dari peringkat perencana terus kepada peringkat teknokrat dan pentadbir negara.

Apabila kita bercakap mengenai dasar, kita tidak dapat lari dari sikap orang-orang yang menjalani dan membuat dasar itu. Dasar boleh ditafsirkan sebagai "the do's and the don'ts", dengan izin, mengenai sesuatu strategi yang hendak dijalankan. Disinilah letaknya punca kejayaan atau kegagalan sesuatu strategi itu.

Tadi saya sebutkan tentang pemikiran pembangunan ekonomi yang sedikit sebanyak menjejaskan matlamat kita. Pemikiran yang bersandarkan kepada model pembangunan 100% capitalistic inilah yang dicerminkan di dalam tindak-tanduk kita selama ini. Misalnya, kita mendefinisikan kos mengikut definisi yang static apabila kita hendak mengurangkan perbelanjaan mengurus Kerajaan dengan membuang sebilangan kakitangan. Cara ini adalah satu cara yang "simplistic", dengan izin, dan yang akan membawa kepada akibat yang negatif.

Andaian "static" dan "simplistic" ini adalah begini: Jikalau kos untuk mencapai \$1 pendapatan atau hasil

ialah 50 sen, maka apabila dikurang kos kepada 30 sen dengan membuang kakitangan, maka akan bertambah cekaplah birokrasi Kerajaan itu. Tetapi apakah bilangan kakitangan yang tinggal itu akan dapat mengeluarkan hasil \$1 daripada tiap-tiap 30 sen yang dibelanjakan oleh Kerajaan? Saya jawab, tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti terima hakikat bahawa kakitangan Kerajaan adalah dilatih untuk membelanjakan wang. Birokrasi Kerajaan ialah satu badan yang fungsinya mengagih kekayaan negara, baik di dalam polisi yang berdasarkan "order capitalistic" mahupun yang berdasarkan "order socialistic". Tiap-tiap kakitangan itu ditentukan kerjanya secara rigid oleh Perintah Am yang mengongkong "creativity", dengan izin. Maka apabila kita kurangkan bilangannya dengan mengharapkan penurunan kos, produktiviti \$1 dari perbelanjaan 30 sen tidak akan tercapai. Lanya akan menurun dan apabila produktiviti turun, maka segala khidmat Kerajaan yang menjadi asas kepada pembangunan industri oleh pihak swasta akan kurang mutunya. Ini tentu sekali menjejaskan pembangunan industri yang kita hendakkan supaya struktur ekonomi kita ditukar dari apa yang berkisar di sekeliling bahan utama kepada apa yang berkisar di sekeliling industri pembuatan barangan siap.

Saya ingin mengutarakan satu cadangan kepada pihak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Cadangan ini berbunyi demikian: Janganlah buang kakitangan Kerajaan, sebaliknya susunkan semula birokrasi Kerajaan secara mengikiskan pertindihan fungsi dan tanggungjawab. Justeru itu, kalau dahulu tiap-tiap perbelanjaan 50 sen membawa hasil \$1, maka dengan penyusunan semula ini hasilnya akan melebihi \$1 dari perbelanjaan yang sama.

Satu misalannya, mengapa harus Kerajaan menduplikasikan fungsi latihan di dalam sebilangan bidang yang kursus-kursus seharusnya diberi oleh universiti tempatan? Apa yang saya maksudkan ialah Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Pembangunan untuk pegawai tinggi yang diadakan di INTAN seharusnya diadakan di universiti tempatan. Banyak pensyarah-pensyarah universiti kita yang mahir di dalam bidang ini tetapi tidak digunakan. Di samping mengeksploitasikan tenaga fikiran di universiti secara cekap, dapatlah Kerajaan menghantar pegawai-pegawai yang berkelulusan tinggi bekerja di dalam jabatan dan agensi Kerajaan yang membawa kepada creativity ekonomi yang lebih tinggi. Biarlah Ph.D., M.A. dan M.Sc. yang ada di agensi-agensi pusat Kerajaan dihantar untuk menerajukan agensi-agensi pembangunan seperti Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dan lain-lain lagi. Agensi-agensi yang "economically productive", dengan izin, ini memerlukan daya fikir yang lebih sophisticated.

Saya bukan menyuruh Kerajaan menutup INTAN. INTAN adalah perlu untuk meningkatkan taraf kecekapan kakitangan di dalam kerja-kerja "mechanistic", dengan izin, iaitu kemahiran membuat kerja routine, dengan izin. Begitu juga SERU atau MAMPU adalah penting untuk mengutip data-data mentah tetapi biarlah kerja-kerja penganalisan data-data ini diserahkan kepada tenaga yang ada di universiti. Cara ini dapatlah kita mencapai hasil \$2 atau lebih dari kos 50 sen tadi tanpa mengakibatkan masalah-masalah sosial yang negatif akibat dari Pembuangan kakitangan Kerajaan. Inilah yang dikatakan konsep yang dinamis atau konsep "cost-effective", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyarankan penubuhan agensi

memajukan industri kecil selari dengan HICOM yang memajukan industri berat. Jikalau kita hendak ikut lojik pengurangan kos yang dipegang sekarang, maka objektif murni ini akan terkubur kerana agensi baru memerlukan ongkos pentadbiran. Saya fikir jikalau lojik cadangan saya itu diterima, semua pegawai-pegawai yang bertindih seperti di INTAN, di MAMPU, di SERU termasuk Unit sistem di Perbendaharaan sendiri yang membuat kerja yang seharusnya dibuat oleh MAMPU dan lain-lain agensi ditubuhkan untuk menganggotai agensi ini dan lain-lain agensi pembangunan yang perlu ditubuhkan untuk menambahkan produktiviti negara. Cara ini tidak perlu diambil kakitangan baru. Kalau Kerajaan hendak mengurangkan jumlah kakitangannya, janganlah sebut perkataan "buang" ataupun "retrenchment", dengan izin. Saliran-saliran lain tentu ada. Satu saluran ialah menyerapkan mereka ke dalam industri-industri yang diswastakan seperti yang dibuat kepada kakitangan Telekom. Banyak syarikat-syarikat Kerajaan yang boleh diswastakan, masukkan sahaja pegawai-pegawai yang berlebihan ke dalam syarikat-syarikat ini. Kalau perlu mereka dilatih semula, kita latihkan mereka dengan menggunakan industri yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara perlu menyokong segala usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang. Usaha Kerajaan untuk menarik pelaburan asing janganlah dipandang dari segi negatif, iaitu dari sudut nasionalisme ekonomi atau economic nationalism yang sempit seperti saranan-saranan mengenai kolonialisme ekonomi seperti yang disebut oleh anggota Pembangkang dari Kepong tadi. Jikalau kita percaya kepada kebolehan kita mengeluarkan barangan dengan cekap, kita tidak

perlu bimbang tentang momokan-momokan penjajahan ekonomi lantaran dari kemasukan modal asing ini. Saya fikir Kerajaan pun sedar tentang hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dasar yang perlu kita teliti ialah dasar perindustrian berat. Dasar ini pada keseluruhannya adalah satu dasar yang baik untuk menerajui pembinaan struktur ekonomi negara yang baru. Dengan adanya usaha membuat kereta sendiri, mengeluarkan besi keluli dan simen sendiri, kita akan mencapai satu tahap penggunaan sumber negara yang optima. Tetapi kita perlu hati-hati di dalam aspek pemindahan teknologi dari negara-negara yang menolong kita seperti Jepun. Jangan setakat menerima teknologi-teknologi itu sahaja tanpa mengikat mereka kepada pasaran barang-barang yang disediakan itu. Saya sebutkan misalnya yang pertama, iaitu kereta Proton Saga. Kita tahu bahawa dengan pemindahan teknologi Jepun lama kelamaan 100% bahagian-bahagian kereta ini akan dibuat dalam negara ini. Ini satu pandangan yang optimis. Tetapi pada satu hari nanti, apabila kita hendak masuk ke pasaran dunia menjual kereta kita ini, kita mungkin menghadapi persaingan yang hebat dari kereta-kereta Jepun yang dibuat melalui teknologi yang lebih tinggi dan kaedah pengeluarannya yang lebih cekap dan justeru itu harganya lebih rendah dari harga Proton Saga. Ini sudah tentu akan membunuh industri kereta kita ini seperti yang telah terjadi kepada Industri Kereta Nasional Taiwan (Yue Loong).

Saya ingin mencadangkan di sini supaya satu perencanaan dibuat supaya kilang kereta Proton Saga diberi peluang membuat bahagian-bahagian kereta Mitsubishi yang menjadi prinsipalnya yang dikeluarkan di Jepun dan bahagian-bahagian ini dieksport ke Jepun untuk pemasangan dengan bahagian-

bahagian yang dibuat di Jepun. Dengan ini akan lebih bermakna usahasama kita dengan Mitsubishi dan sudah tentu ianya membawa perjodohan yang berkekalan. Di dalam istilah perdagangan antarabangsa, inilah yang dipanggil inter-industrial trade yang mana partner kita ataupun rakan sejawat kita sama-sama menanggung masalah-masalah di pasaran barangan yang kita buat itu.

Satu aspek lagi di mana kita memerlukan inter industrial trade yang ada kaitan dengan Proton Saga ini ialah di dalam bidang pengeluaran besi keluli, getah dan bijih timah kita. Tidak perlu saya huraikan dengan panjang mengenai hal itu di sini dan setakat saya menyeru Kerajaan untuk mengimplicasikan prinsip ini cukuplah untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, negara Jepun yang diharapkan menjadi pasaran terbesar untuk penjualan besi kita pada masa ini mempunyai teknologi yang boleh melebur dan mengambil balik besi keluli, getah dan lain-lain dari kereta, kapal dan lain-lain barang yang dibuang. 5% sahaja bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kereta dan kapal di Jepun pada masa ini diimport oleh Jepun berbanding dengan angka 20% dari negara German. Ini ialah berita kurang baik bagi industri besi, getah dan bijih timah kita. Oleh itu saya menyeru supaya Kerajaan memujuk pihak Jepun supaya diperbanyakkan inter-industrial trade, dengan izin, seperti yang disebutkan tadi supaya teknologi yang tinggi itu dibawa ke sini untuk adunan dengan industri kita agar kedua-dua negara mendapat untung yang saksama. Formula secara terperinci saya serahkan kepada pihak Kerajaan untuk menelitinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dasar yang saya hendak sentuh, dasar ini ialah Dasar Belilah Barangan Buatan

Malaysia. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, apakah dengan dasar ekonomi terbuka kita yang terlalu liberal ini dapat menjayakan dasar beli barangan Malaysia, sehingga bilah sate pun diimport dari Taiwan. Saya bukan meminta diadakan protectionist policy, dengan izin. Tetapi apa yang saya mahukan ialah diadakan sedikit kenaikan tarif ke atas barang-barang buatan dari sektor miskin seperti barang-barang consumptive dari buluh, rotan, kayu-kayan, jerami dan lain-lain. Jika ini dibuat, maka akan bertambah lakulah perabot, bilah sate, bidai buluh dan lain-lain barang buatan sektor miskin tempatan yang dapat bertanding. Saya pasti jawapan yang akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri ialah dengan tidak dinaikkan tarif pengusaha-pengusaha tempatan akan terpaksa meningkatkan mutu dan produktiviti. Ini adalah persoalan yang lojik, tetapi lojik ini tidak mengambil kira faktor kos awalan yang tinggi dan kekurangan kemahiran tidak membenarkan pengusaha tempatan mencapai tahap mutu dan produktiviti pengusaha di Taiwan dan di Korea. Sekurangnya pengusaha-pengusaha tempatan diberi handy-cap yang sepatutnya.

(Timbalan Yang di-Pertua, *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pembelian barangan buatan Malaysia ini tidak hanya dapat digalakkan melalui sistem percukaian sahaja. Yang penting juga ialah sikap pembeli. Kerajaan patutlah memimpin rakyat di dalam pengubahan sikap ini. Industri buluh, rotan dan kayu-kayan negara boleh berkembang lagi jikalau semua jabatan Kerajaan dimestikan membeli barang-barang kegunaannya, misalnya ialah bidai buluh, kerusi rotan atau kayu, rak fail rotan, buluh atau kayu dan lain-lain lagi. Kalau Kerajaan memberi perintah tidaklah

akan berlaku drama-drama Ketua Jabatan menolak barang-barang ini dengan lafaz, "Oh! that is not my taste" terhadap barang-barang buatan tempatan. Mengapa Kerajaan masih lagi teragak-agak memestikan pegawai-pegawainya yang mendapat pinjaman untuk kereta di antara 1,300 c.c dan 1,500 c.c. membeli Proton Saga? Berapa orang sahaja pegawai-pegawai Kerajaan yang mendapat kemudahan ini dan ianya tidak mungkin menjejaskan pasaran kereta lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu saya mengambil peluang ini menyokong Belanjawan yang dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kluang.

4.17 *ptg.*

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Belanjawan 1987 yang dibentangkan pada petang 24hb Oktober, 1986. Izinkan saya di sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara negara kita masuk ke zaman pertengahan tahun 1980an, rakyat Kluang masih mundur seperti keadaan dalam tahun 60an, maksud saya ialah dari segi perkhidmatan kesihatan. Pada tahun 1970, Rumah Sakit Daerah Kluang mempunyai seorang Pakar Bedah (Surgeon) dan dewan bedah yang lengkap dengan semua kakitangannya. Pada hari ini kami di Kluang tidak ada seorang pun pakar bedah dan dewan bedahnya adalah dalam keadaan yang amat menyedihkan. Pesakit-pesakit di Kluang yang memerlukan pembedahn serta-merta, dengan izin, emergency operation, terpaksa dihantar berpuluh-puluh batu ke

Johor Bahru atau Batu Pahat. Saya tidak ada perangkaan, dengan izin, statistic yang tepat, tetapi saya percaya setengahnya mungkin ada yang tidak sempat sampai ke tempat yang ditujunya meninggal dunia dalam perjalanan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan mengembalikan perkhidmatan kesihatan seperti yang rakyat Kluang pernah menikmatinya dahulu. Saya bukan mahukan usaha pembaikan, tetapi saya hanya berkehendakkan apa yang kami ada dahulu itu dipulih dan dikekalkan. Keperluan sekarang lebih mendesak dari tahun 1970 kerana jumlah penduduk-penduduk di Kluang kini telah bertambah dengan pesatnya. Kami tidak ada seorang Doktor Pakar, dengan izin, Physician. Walau bagaimanapun kami telah dijanjikan oleh Jabatan Perubatan akan dihantar seorang. Saya harap Kerajaan dapat menghantar doktor itu dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, jalan Kluang-Paloh telah dipilih sebagai skim pertama untuk membina jalan simen. Sehingga hari ini jalan tersebut telah disediakan untuk pembinaan demikian. Malangnya simen tersebut tidak sampai. Ini telah berlaku selama empat tahun semenjak jalan tersebut siap pada tahun 1982. Saya ingin tahu dari Menteri Kerjaraya bilakah simen sampai ke Kluang-Paloh?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana telah memilih Pejabat Pos Kluang sebagai tempat untuk memperbaharui cukai jalan dan lesen memandu. Saya harap Kementerian ini akan menubuhkan Pejabat JPJnya di Daerah Kluang untuk menguruskan semua perkhidmatan Jabatannya seperti yang telah dinikmati oleh penduduk-penduduk Pontian, Batu Pahat dan Mersing. Sebagai yang kita maklum, penduduk Daerah Kluang ini melebihi 200,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Kluang mempunyai banyak pekan di sekelilingnya. Pekan-pekan besarnya ialah Paloh, Chamek dan Kampung Nyior yang jauhnya tidak melebihi 15 kilometer dari bandar Kluang, dengan izin, as the crow flies. Ada kira-kira 15,000 orang penduduk yang mendiami ketiga-tiga pekan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh sedih kerana hingga ke hari ini pekan-pekan tersebut belum mendapat bekalan air dan api.

Tuan Yang di-Pertua, pada musim kemarau pula penduduk-penduduk pekan ini mendapat bekalan air daripada lori-lori yang disediakan oleh Kerajaan. Rakyat selalu menderita kekurangan air kerana bekalannya kurang dan tidak tetap.

Tuan Yang di-Pertua, semua jalanraya dari pekan-pekan itu menuju ke bandar Kluang di mana ibubapa menghantar anak-anaknya bersekolah di peringkat menengah belum bertar. Penduduk-penduduk Chamek terpaksa menggunakan jalan ladang untuk pergi ke bandar Kluang. Tiap-tiap kenderaan yang keluar masuk dikenakan bayaran \$3.00 sebagai bayaran tol yang dikenakan oleh pihak pengurusan ladang.

Tuan yang di-Pertua, saya memang faham tentang kemerosotan ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita dan Kerajaan tidak mampu melaksanakan projek-projek yang dirancangan seperti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah berkata walaupun keadaan ekonomi kita lembab tetapi Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya untuk memberi kemudahan asas yang sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian berkenaan agar memandang masalah ini dengan serius

dan mengambil tindakan segera kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin ulangi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk belanjawan yang pragmatic dan realistic, dengan izin. Kepada sesiapa yang terlibat khususnya pegawai tinggi Kerajaan, saya harap mereka memahami keadaan ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak berniat akan menyusahkan mereka dari menikmati kemudahan-kemudahan yang telah mereka terima melainkan perkara-perkara itu benar-benar serius.

Akhirnya, * saya menyokong sepenuhnya belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.45 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, sudah dua hari kita membahaskan Belanjawan dalam Dewan yang mulia ini semenjak ia dikemukakan pada 24hb Oktober, 1986. Beberapa orang pihak Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dan Pembangkang telah mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan ini. Petang ini saya cuba mengambil peluang sama untuk membahaskan Belanjawan yang telah dikemukakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali ucapan Belanjawan dibuat termasuk beberapa kali oleh Menteri Kewangan UMNO yang ada sekarang, ianya disambut dengan penuh riang oleh orang-orang awam yang antaranya tidak mengerti strategi Belanjawan dan tidak tahu ilmu ekonomi dan tidak memahami sangat persoalan politik. Ia

dipuji dan diberi harapan tetapi setiap kali puji dan puja diberi tidak pula mereka terbela dan sebaliknya mereka, keluarga mereka dan negara kian melarat kalau pun belum menderita dan papa.

Mengenai belanjawan yang dikemukakan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sikap menunggu untuk memberi seribu harapan kepada Belanjawan yang belum begitu berjimat dan belum juga dikira cermat ini. Negara ini memerlukan beberapa ucapan Belanjawan lagi sebelum ianya kembali ke suasana yang diharapkan.

Peruntukan yang diberi kepada luar bandar 1986 adalah sekitar 25% tinggi daripada tahun 1987. Kalau dahulu peruntukan itu \$8,858 juta kini ia turun kepada \$6,637. Kalau peruntukan yang begitu tinggi dahulu telah tidak berjaya menahan suasana masyarakat di luar bandar dari susah kepada teruk maka bagaimana pula keadaan yang teruk ini boleh pula dibaiki dengan peruntukan yang berkurangan sedangkan keperluan bertambah dan pendapatan merosot akibat gaji tidak naik, elaun kena potong dan antara penduduknya adalah penganggur yang bercampur antara yang hilang pekerjaan dan yang belum dapat pekerjaan.

Kisah ekonomi negara merosot bukan mauduk baru dalam Belanjawan negara. Ia sudah diketahui dan berlaku sebelum pentadbiran 2M muncul. Ia bertambah melarat sesudah wujudnya Kerajaan 2M dan bertambah tenat lagi apabila tinggal 1M dan setiap kali itu kelemahan itu berlaku diletakkan kepada kelembapan ekonomi dunia. Kali ini ekonomi dunia ikut disalahkan juga dan dunia sendiri mulai pulih ekonominya tetapi Malaysia kian jatuh ataupun tersepak sekarang. Tambahan pula dengan kejatuhan harga minyak sekarang suasana

menjadi terlalu parah, ini menyebabkan saya yakin bahawa sedikit sebanyak negara ini dapat bertahan beberapa tahun lalu tidak banyak disebabkan oleh kecekapan dan kemampuan pemimpinnya tetapi ianya sempat diselamatkan oleh minyak yang dianugerahi Allah yang memancut-mancut di Pantai Timur, Bintulu dan Sabah. Sekiranya tidaklah dengan minyak, wallahua'lam mungkin negara ini sudah menjadi kumpulan tembaga dan ada setengah ketua negara mengajar rakyat makan tikus. Bila sekarang dengan sekonyong-konyong berlaku krisis harga minyak dunia tiba-tiba Menteri Kewangan datang ke Dewan mengumumkan Belanjawan yang mencemaskan.

Saya kira pemimpin Kerajaan tidak sedih dan tidak merasa terharu untuk mengumumkan penangguhan kenaikan gaji orang makan gaji selama tiga tahun. Beberapa orang Menteri, antaranya Perdana Menteri, Menteri Kerjaraya termasuk Timbalan Perdana Menteri yang jarang ketawa itu pun tertawa ketika mengumumkan Belanjawan itu dibuat. Orang yang menonton Belanjawan melalui televisyen membuat komen tentang Menteri-menteri gembira sahaja menyambut pengumuman Menteri Kewangan, sedang hal itu begitu serius dan terharu. Apakah hak para Menteri dan Kerajaan untuk meminta swasta sama bertindak tidak menaikkan gaji pekerja-pekerja selama tiga tahun. Memang antara syarikat-syarikat mencari peluang untuk tidak menaikkan gaji pekerja; mereka terpaksa menaikkan gaji selama ini kerana adanya kawalan yang rapi dari Kerajaan. Tetapi bila peluang seperti ini digalakkan oleh Kerajaan, maka di manakah kaum pekerja-pekerja hendak mengadu nasib. Kiranya majikan itu pula mempunyai sikap perkauman yang tebal maka pekerja-pekerja dari kaum yang lain akan menjadi habuan.

Tuan Yang di-Pertua, apa tujuannya maka Kerajaan memilih tiga tahun. Mengapa tidak setahun sahaja sebagai percubaan. Saya bimbang bahawa Kerajaan bertujuan untuk mengambil peluang untuk memancing undi lagi menjelang pilihanraya akan datang. Maksudnya apabila masuk tahun yang keempat, kakitangan Kerajaan akan dinaikkan gaji semula. Lepas itu diadakan pilihanraya. Maka ini diharapkan kakitangan Kerajaan dan keluarga mereka akan memberi sokongan lagi kepada parti Kerajaan.

Pihak swasta yang bertanggungjawab dan berkemampuan, saya seru supaya memikirkan betul-betul sebelum mencontohi Kerajaan dalam soal kenaikan gaji ini. Sebarang tindakan pihak swasta yang terburu-buru nanti dibimbangkan akan menimbul krisis perusahaan dan boleh melemahkan produktiviti.

Saya seolah-olah melihat zaman yang kacau bagi negara berikutan dengan langkah Kerajaan untuk membekukan pengambilan pekerja-pekerja sektor Kerajaan. Ini bererti orang-orang yang keluar dari sekolah dan universiti mulai tahun ini tidak berpeluang bekerja dengan Kerajaan, sedangkan Kerajaan sendiri mulai menghadapi krisis sosial akibat ramainya lulusan universiti yang tidak bekerja sebelum ini.

Menjelang pilihanraya lalu, ramai siswazah telah diambil kerja adalah dipercayai bila rancangan membuang setengah kakitangan Kerajaan berlaku nanti maka graduan yang baru diambil bekerja belum sampai 6 bulan itu akan diberhentikan. Bila orang ini pulang ke kampung dengan tidak ada pekerjaan maka ini akan menimbulkan satu masalah kepada orang itu, kepada masyarakat dan kepada Kerajaan. Pengaruh dari bekas graduan yang diberhentikan

kerja dicampur dengan pengaruh lain termasuk graduan dan orang-orang yang akan keluar sekolah dan universiti hujung tahun ini kerana peluang kerja tidak ada, mendedahkan negara ini kepada masalah sosial yang besar.

Dasar Ekonomi Baru diciptakan, antaranya untuk memberikan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat. Bila DEB masih belum habis tempohnya bilangan dan peratus pengangguran bertambah kerana tidak adanya peluang kerja dan orang yang bekerja pula dibuang ini bererti Kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru sendiri gagal. Maksud beberapa Belanjawan sebelum ini yang menyenaraikan untuk memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat itu juga nampaknya tidak dapat dipenuhi. Kakitangan awam dan kakitangan Kerajaan adalah golongan yang paling tertekan dengan Belanjawan baru ini. Sebagai satu tenaga yang terpenting di kalangan rakyat, tekanan yang mereka hadapi boleh menimbulkan kegelisahan kepada rakyat keseluruhannya. Siapakah antara keluarga di negara ini yang tidak mempunyai saudara mara di kalangan kakitangan Kerajaan dan kakitangan awam. Oleh kerana kehidupan rakyat saling bergantung sesama anggota keluarga maka masalah yang dihadapi oleh kakitangan awam itu akan juga dirasakan oleh rakyat itu sendiri. Sebahagian daripada mereka yang bekerja dahulu siap dengan tawaran pencen, tiba-tiba pula Belanjawan ini tidak memberikan pencen, sebaliknya dikehendaki mencarum kepada KWSP, tentulah berlawanan dengan syarat tawaran "bekerja dahulu. Bagaimana perkara ini boleh diterima oleh kakitangan awam akan menjadi perhatian. Tetapi saya, Tuan Yang Dipertua, bimbang kalau hal ini tidak diatasi terlebih dahulu akan menyebabkan Kerajaan akan diseret ke mahkamah.

Antara yang tidak adil bagi Belanjawan ini ialah mengenakan tambahan faedah 2% bagi pinjaman kereta dan rumah bagi kakitangan Kerajaan. Yang malang sekali ialah orang-orang meminjam pada kadar faedah 4% dahulu, mereka bersetuju meminjam dengan kadar yang lama dan kini baki hutang itu terpaksa dibuat pada kadar yang baru. Sepatutnya kalau kadar faedah itu hendak dinaikkan juga, ia cuma melibatkan pinjaman baru atau yang belum dibuat. Pinjaman yang lama itu dibuat kerana peminjam itu bersetuju dengan kadar yang ada itu. Bila mereka dikenakan tambahan bunga maka selain daripada mereka sudah terlibat dengan riba, kini kadar riba tambahan itu dipaksa lagi ke atas mereka. Jika Kerajaan bertindak memotong atau memasukkan elau dan keistimewaan tertentu para Menteri dan lain-lain anggota pentadbiran, ia tidaklah wajar dibuat bagi mengharungkan semua cukai kenaikan yang disarankan oleh Belanjawan itu. Wang yang hendak diselamatkan dari Menteri dan lain-lain itu walaupun jumlahnya agak besar untuk satu individu, tetapi golongan ini adalah terdedah dengan bermacam peluang, rebut kekayaan negara, pengaruh dan tandatangan mereka laku dan adalah sesebuah Kerajaan ia kurang hitung soal moral dan disiplin maka ganti dari elau yang dipotong itu sentiasa terbuka.

Antara pembaharuan yang menarik ialah menunaikan pembayaran cukai pendapatan yang dibuat melalui potongan gaji bulanan atau yang bergaji mingguan dibuat mengikut bila gaji itu dibayar. Ini adalah amalan yang dijalankan oleh negara-negara maju yang tujuannya mengelakkan beban yang dihadapi oleh setiap orang bila pembayaran tahunan sekaligus seperti sekarang. Ia juga boleh mengelakkan orang cuai, kena denda atau dibawa ke mahkamah sebagai lewat atau tidak mahu bayar cukai.

Sepatutnya hal ini telah dibuat lama. Bagaimanapun sistem yang baru ini boleh menyulitkan peluang orang Islam yang hendak berzakat. Sekiranya tidak dilaksanakan dengan baik, orang Islam masih mempunyai kewajipan untuk menunaikan zakat. Walaupun mereka sudah membayar cukai pendapatan sudah terdapat petua yang menghendaki gaji yang cukup kiranya dikenakan zakat dan zakat itu boleh dibuat mengikut potongan gaji bulanan. Patutlah difikirkan cara yang baik supaya boleh orang Islam mengenakan kewajibannya kepada ugamanya sambil memenuhi tuntutan negara. Adalah tidak adil bagi Kerajaan terhadap orang Islam, kalau mereka membayar zakat, kemudian terpaksa pula membayar cukai pendapatan.

Saya tidak bersetuju dengan arak dikenakan cukai. Apa yang saya mahu bahawa Dewan ini mesti jangan membenarkan arak boleh diiklankan, dibawa masuk, diberi lesen atau diedarkan dalam negara ini. Orang memberi arak kepada orang lain akan dilaknat oleh Allah sekalipun mengenakan cukai hingga 15% bertujuan untuk mengurangkan orang dari berlanggan arak. Tetapi ia tetap memberi peluang kepada kaki botol atau memberi peluang kepada orang dalam negara ini mencuba arak.

Saya bersetuju dengan langkah berjimat-cermat dari segi semangatnya. Apakah ia suatu yang mampu dilakukan oleh Kerajaan? Ia sudah biasa boros dan membazir. Ini masih perlu diperhatikan. Tetapi memang ada munasabahnya. Bilangan dan saiz perwakilan diplomatik kita di seberang laut dikaji demi menjimatkan perbelanjaan. Bagaimanapun setakat ini belum dapat dipastikan banyak mana yang boleh dijimatkan dari strategi Belanjawan yang ada.

Saya kira kalau benar Kerajaan hendak berjimat, bilangan dan saiz Kabinet dan Kementerian yang ada sekarang pun kena dikaji semula. Para Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen agak ramai buat Malaysia yang tidak begitu besar. Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan rasanya perlulah diletakkan sebagai Jabatannya di bawah lain-lain Kementerian. Mungkin keterlaluannya kalau saya katakan membazir, tetapi fungsi kebudayaan itu boleh dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran dan urusan belia mungkin boleh diletakkan di bawah Kementerian Kebajikan Am yang dikira tugasnya pun tidak begitu besar. Orang yang menjadi Menteri Kebajikan sentiasa merasakan dirinya junior, manakala sukan pula mungkin.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu bilakah cadangan Kabinet bayangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat untuk menukar-nukar Menteri dan Kementerian itu?

Tuan Haji Adullah bin Haji Arshad: Tidak mustahak dijawab. Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju, teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak memperkecilkan fungsi Kementerian itu, tetapi setakat ini apakah kejayaan yang besar? Dalam sukan Asia di Seoul baru-baru ini tidak sebanyak mana pingat yang diperolehi. Manakala Kementerian Wilayah Persekutuan pula semacam

terasa agak baik diletak sahaja kepada Kementerian lain kerana Datuk Bandar sendiri pun cukup untuk menjaga masalah wilayah. Setakat ini peranan Menteri dan Datuk Bandar seolah-olah bertindih, Datuk Bandar walaupun bertaraf seorang pegawai, tetapi kerana namanya Datuk Bandar, maka dia pun terasa macam Menteri juga. kerana dua orang membuat satu kerja, maka kita dapati Datuk Bandar semacam tidak banyak kerja hendak dibuat, mungkin itulah agaknya beliau lebih banyak masa di padang permainan untuk menjaga orang main badminton dan bola. Seorang Datuk Bandar mahulah memberikan banyak masa kepada masalah rakyat di Bandaraya, bila seorang itu ada masa untuk yang lain, tentu kurang tumpuan serta tugas-tugasnya.

Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang ada terlalu ramai, setengah Kementerian lebih dari seorang Timbalan Menteri dan ada pula Setiausaha Parlimennya. Apa salahnya kalau satu Kementerian satu Timbalan dan jawatan Setiausaha Parlimen itu ditiadakan sahaja, tugasnya setakat ini pun adalah untuk menjawab soalan-soalan di Parlimen dan merasmikan acara di bawah Kementerianya. Mungkin banyak wang dapat diselamatkan kalau perkara ini dikaji semula, sedikit-tidaknya gaji bulanan dan pencen boleh digunakan untuk perkara lain. Memang atas keyakinan ekonomi negara jelas semuanya dapat dipersetujui, tetapi lainlah pula kalau atas tujuan untuk memberi kerja kepada orang kuat parti dan membahagi-bahagikan rezeki.

Satu tempat yang wajar dimansuhkan kerana banyak menelan belanja sedangkan tugasnya cuma menjalankan kerja UMNO ialah KEMAS. Berpuluh-puluh juta wang negara digunakan semata-mata untuk memberi peluang mencari rezeki kepada ahli-ahli UMNO dan

menggunakan wang rakyat untuk tujuan menjalankan kegiatan parti. UMNO itu sendiri tidak secergas mana, tetapi yang cergas dan membuat kerja hingga UMNO boleh hidup ialah KEMAS.

Tuan Yang di-Pertua, dalam segenap perbincangan sama ada di dalam mahupun di luar Dewan sekarang dan dalam banyak maklumat yang dicetak dan diungkapkan kita terus dengan hal-hal ekonomi negara lembab, ekonomi orang perseorangan merosot, kewangan negara jatuh nilai dan ada yang tabung kewangannya kering. Ada syarikat terpaksa ditutup, ada saudagar dinotis oleh bank dan sebagainya. Ketika yang sama bilangan penagih-penagih dadah bertambah, pengedar dadah juga menjadi-jadi, tipu, rompak, peras ugut dan berbagai-bagai penyakit sosial berlaku. Dalam politik pula terdapat berbagai-bagai angkara dan kerenah yang aneh. Segala penyakit yang berlaku ini jarang benar diperhatikan dari sudut kejadian manusia itu sendiri.

Sekiranya kita merenung sejenak tentang kejadian itu mengikut ilmu Islam bahawa kita diberitahu tentang adanya segumpal darah dalam tubuh manusia, sekiranya gumpalan darah itu baik dan bersih, maka baik dan berjernihlah sikap dan urusan orang itu. Tetapi jika gumpalan darah itu tidak baik, maka pincanglah kehidupan dan musnahlah urusan alam sekitarnya, gumpalan darah itulah yang dinamakan hati. Urusan politik ekonomi dan sosial mana-mana masyarakat bergantung kepada bersih atau kotornya hati seseorang itu. Dari sinilah kita terpaksa memikirkan kepada siapa pentadbiran negara dan kekuasaan politik hendak diserahkan dan bagaimana rupa Pegawai Tadbir yang akan diberikan amanah. Atas fahaman inilah, Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja awal bulan Oktober lepas saya

telah menyentuh betapa perlu nilai-nilai moral dipertahankan oleh para pentadbir dan ia mestilah didahului oleh orang-orang yang duduk di dalam Dewan ini sendiri bagi dijadikan teladan. Kita mestilah mengelakkan orang-orang yang terlibat skandal sex dari menjadi calon, orang yang sudah diseret ke mahkamah yang belum dibersihkan namanya, tidak wajar memikul tanggungjawab besar sebagai Ahli Parlimen dan apatah lagi mengepalai Kementerian dan Kerajaan.

Apabila orang-orang yang maruahnya dipersoal dibenarkan menjadi sebahagian daripada Nabi pemerintah sekalipun mereka mempunyai kecekapan dan kemahiran tertentu, tetapi kejujuran dan tanggungjawab sukar meyakinkan dan sukar pula bagi mendapat kepercayaan pihak lain. Sekalipun orang-orang yang pernah cacat moralnya itu ingin untuk membaiki maruahnya supaya ia boleh menyumbang sesuatu kepada masyarakat, tetapi kecacatan yang ada itu menjejaskan kepercayaan umum.

Bukanlah kita mesti menghukum terus dan tidak mahu memberi peluang bagi seseorang untuk membetulkan diri, tetapi urusan politik dan pentadbiran sentiasa meminta yang terbaik dan paling bersih, maka dengan itu sebuah Kerajaan yang bermaruah dan mahukan kepercayaan semua pihak mestilah mengambil kira menentukan segumpal darah yang ada dalam tubuh para pemimpin dari jenis yang terbaik. Sama ada gumpalan darah itu sudah bersih atau terpaksa dibersihkan adalah hal yang boleh diusahakan dan diatasi oleh manusia, segala penyakit masyarakat, penyakit ekonomi dan politik yang ada itu adalah disebabkan gumpalan darah tadi tidak diberikan perhatian. Penyakit ini memerlukan rawatan dan Parlimen ini juga Kerajaan yang ada adalah ibarat klinik yang boleh menjalankan rawatan itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang adalah seorang ahli perubatan sebelum menjadi Perdana Menteri, beliau telah bergelumang dengan para pesakit, sudah ramai pesakit yang sudah dapat disembuhkan dengan ubat injection (cucuk) dan tidak kurang juga ubat makan dan ubat sapu di kulit, kadangkala pesakit terpaksa dibedah, walaupun dengan pembedahan itu pesakit itu mati. Persoalannya seorang doktor tidak pernah putus kira-kira untuk menyelamatkan pesakit. Sekarang doktor itu menjadi Perdana Menteri, bukankah jawatan Perdana Menteri itu merupakan satu sijil atau ijazah baginya untuk merawat penyakit sosial, politik dan ekonomi? Tetapi rawatan yang diperlukan, Tuan Yang di-Pertua, ialah rawatan rohani, bagi menentukan kebaikan rakyat mempunyai gumpalan darah yang terbaik.

Jawatan Perdana Menteri yang ada itu bagi saya adalah satu ijazah, anugerah Allah kepada beliau supaya beliau memainkan peranan penting untuk merawat pesakit yang merbahaya bagi negara dan rakyat. Kalau seorang pesakit terbiar dia seorang sahaja akan menderita atau dia sahaja akan binasa, tetapi kiranya negara yang sakit ini tidak dirawat, maka seluruh tamaddun rakyat dan negara ini akan musnah, penyakit itu memerlukan ubat dan biarlah saya tunjukkan ubatnya iaitulah Islam, iman dan ikhsan, nukilannya ialah Al-Quran, inilah yang pernah dianjurkan oleh pemimpin agung dunia Nabi Muhammad s.a.w: Apabila hati tadi sudah bersih kerana berpandukan kepada Al-Quran maka soal keyakinan yang sangat mustahak itu dan krisis keyakinan tidak berbangkit lagi. Sebelum orang hendak melabur di negara ini, orang memerlukan keyakinan yang modalnya akan selamat, siapa yang mengendalikan pentadbiran merekalah menjadi perhatian dan diambil kira.

Sekarang pelabur enggan berurus dengan negara ini disebabkan oleh kurang yakin dengan para pemimpin negara, yang mempertikaikan keyakinan itu bukan sekadar orang luar, malah orang dalam negeri, lebih tegas orang dalam parti pemerintah pun ikut meragui.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah di antara tokoh yang dipertikaikan. Boleh jadi ia disebabkan oleh fitnah atau sebab luaran tetapi kita tidak boleh memberi hujah, orang dengki dan bermusuhan dengan kita sebagai jalan keluar. Boleh jadi ia berlaku kerana orang khianat tetapi ia tetap menyulitkan negara untuk menarik minat pelabur dan lain-lain. Soal keyakinan ini boleh disabitkan betapa bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Ahli Yang Berhormat dari Panti tidak senang dengan apa yang berlaku, lalu berundur dari Kerajaan. Ucapannya di Johor sebelum pilihanraya telah menyebut bahawa Kerajaan-kerajaan yang lain dari Kerajaan Johor gagal untuk melaksanakan janji sebuah pentadbiran bersih, cekap dan amanah. Bekas Gabenor Bank Negara yang meletakkan jawatan adalah juga tanda-tanda dan contoh pegawai tinggi Kerajaan tidak yakin kepada kepimpinan dan kewibawaan pentadbiran.

Beberapa isu yang ditimbulkan oleh Pembangkang, contohnya, soal UMBC yang dikuasai oleh keluarga Menteri dan kemudian diumumkan bahawa saham UMBC dijual oleh syarikat kepunyaan keluarga Menteri kepada PERNAS. Sesudah itu Dewan ini pula diberi tahu bahawa MAKUWASA Security Sdn. Bhd telah dibubarkan dan tidak lagi menjalankan kegiatan. Perkembangan-perkembangan atas isu ditimbulkan itu memperlihatkan bahawa Kerajaan dan para pemimpinnya tidak dapat mempertahankan isu yang

dibangkitkan walaupun kes MAKUWASA itu terpaksa dibela oleh Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Tetapi yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kerajaan terpaksa give up atau menyerah kalah dengan perkara itu akhirnya. Ini adalah beberapa contoh bahawa ada sesuatu yang tidak licin yang menyebabkan masalah keyakinan tadi timbul dan mungkin ia juga contoh betapa kekayaan negara cuba dibolot oleh golongan kecil yang hampir dengan orang-orang berpengaruh dan berkeluarga dengan pemimpin. Belum pernah dalam sejarah merdeka/Malaysia Kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah kakitangan Kerajaan tetapi sekarang cakap-cakap untuk membuang kakitangan menjadi cadangan yang tidak dapat dielakkan. Bila ini berlaku maka jelaslah ia mencerminkan betapa menderitanya negara dari segi politik dan ekonomi serta kewangannya. Bila ini menjadi dasar maka ini suatu kegagalan bagi pentadbiran yang ada yang ketika munculnya dahulu mengutarakan satu dasar Isi Penuh.

Ketika munculnya Perdana Menteri sekarang sebagai seorang penting dalam politik negara ini, satu dasar yang diketengahkan ialah Isi Penuh. Semua akhbar menyiarkan iklan penuh beberapa muka tentang jawatan kosong dalam Kerajaan yang mesti dipenuhi. Tujuannya adalah untuk melicin dan menggiatkan jentera Kerajaan tetapi hari ini mereka hendak dibuang. Bila ini berlaku, ini bererti bertambah kurang peluang pekerjaan bagi orang-orang yang hendak keluar sekolah hujung tahun ini. Demikian parahnya keadaan negara kita sekarang. Hal ini berlaku ketika seluruh penguasaan ekonomi negara ini benar-benar terletak dalam kuasa dan dalam tangan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekarang.

Ketika ini hutang negara bertambah melambung-lambung. Di bawah pentadbiran ini jugalah krisis keyakinan paling teruk berlaku. Krisis ekonomi paling merosot, krisis kejatuhan nilai matawang berlaku, ada tanda-tanda rebutan kuasa juga semacam hendak berlaku.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan memberikan alasan bahawa punca krisis ini adalah kerana lembabnya ekonomi dunia. Tidak pernah ditimbulkan soal salah tadbir, salah urusan dan kawalan kewangan, salah dasar dan salah beri kuasa. Ekonomi dunia kini mulai pulih. Negara-negara yang ikut tergendala ekonomi seperti Amerika, Jepun, Singapura dan lain-lain kini mulai pulih dan bertambah mantap tetapi ekonomi negara ini bertambah menurun. Apabila industri bijih timah negara ini terpaksa gulung tikar, ada pemimpin meletakkan puncanya kepada penipuan yang dibuat oleh pihak London terhadap negara. Akibat penipuan orang London itu kita menerima akibatnya, sehingga ini kita belum diberi tahu siapa pula yang menipu kita bila industri kelapa sawit jatuh dan siapa pula yang menipu kita bila kelapa tidak ada harga dan adakah kita ditipu bila getah jatuh terus-menerus.

Kalau kejatuhan bijih atas sebab ada orang menipu, adakah kejatuhan yang lain juga kerana kena tipu. Kita boleh ditipu dalam satu perkara tetapi tentulah dalam lain-lain perkara kita tidak mungkin ditipu. Oleh itu, apa alasan pula atas kejatuhan hasil utama yang lain. Bagaimanapun, dengan memberikan alasan kita ditipu oleh pihak London tidak boleh melepaskan tanggungjawab pimpinan negara dari memikul bebannya. Bagaimana seorang atau para pegawai yang mempunyai cukup penasihat dan pakar boleh ditipu orang. Rakyat Malaysia seluruhnya merasa malu bila mendengar Kerajaan boleh ditipu. Di mana maruah Kerajaan bila ia boleh ditipu? Kebimbangan saya ialah

penipuan itu suatu dalih sahaja. Ia mungkin ada sebab-sebab lain dan mungkin kita sendiri suka ditipu atas alasan tertentu.

Kalau sungguh pemimpin dan pegawai negara ini telah ditipu maka sekali lagi rakyat merasa malu, mula-mula rakyat di zaman Melaka gemilang dahulu ditipu oleh Peringgi yang datang hendak membeli tanah sebidang, yang luasnya sebesar belulai lembu. Pemimpin Melaka setuju, akibatnya Melaka jatuh ke tangan Peringgi.

Kemudian orang Perak ditipu pula oleh Inggeris melalui Perjanjian Pangkor. Raja Singapura juga ditipu oleh Stamford Raffles dalam soal penyerahan Singapura kepada Inggeris. Ketika Malaya menuntut kemerdekaan dari British, Kerajaan British telah mengenakan syarat bahawa kemerdekaan itu mestilah dicapai cara mengajak semua kaum menuntunya. Apa hak British mengenakan syarat itu? Kalau Robert Mugabe menolak syarat yang diberikan oleh British supaya penduduk-penduduk kulit hitam dan kulit putih di Rhodesia bersatu, maka kemerdekaan Zimbabwe telah tidak ditangguhkan. Maka British menolak permintaan orang Melayu untuk merdeka. Dalih British cuma untuk mengelak Malaya merdeka, bukanlah minat British untuk menyuruh rakyat dari semua kaum bersatu. Pemimpin Malaya tertipu dengan syarat itu lalu mengusahakan sokongan lain-lain kaum. Memang nasib negara hendak mendapat kemerdekaan juga, lalu lain-lain kaum telah bersetuju untuk sama-sama menuntut kemerdekaan.

Sekarang ada lagi nasib orang di negara ini ditipu, ditipu oleh cucu-cicit orang London yang pernah menipu orang Melayu dahulu. Bagaimanapun, kalaulah cerita itu benar, Tuan Yang di-Pertua, maka sangatlah malang bagi rakyat beroleh pemimpin dan pegawai yang boleh ditipu. Kiranya boleh

setiap pemimpin mengelak dari bertanggungjawab semata-mata kerana ditipu maka apalah bezanya kalau rakyat menerima Pak Pandir untuk menjadi pemimpin. Pak Pandir adalah seorang yang baik dan lurus, dia tidak akan menipu orang, dia tidak akan mengkhianati orang tetapi kejujurannya menyebabkan dia boleh ditipu kiranya ada orang yang suka menipu. Rakyat tidak menerima Pak Pandir sebagai pemimpin bukan kerana dia tidak jujur tetapi kerana dia boleh ditipu atas kejujurannya. Justeru itu rakyat memilih orang yang pintar dan cerdik, berkelulusan tinggi, tujuannya supaya terlepas dari sebarang tipu dan percubaan untuk menipu. Bila pemimpin-pemimpin yang berkelibar pula boleh ditipu juga maka apalah bezanya menyerahkan kuasa kepada Pak Pandir.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari soal kelemahan pemimpin, kelembapan ekonomi dunia kita ditipu oleh orang luar, faktor negara diletak di bawah sistem yang tidak betul dan tidak diredhai Allah juga menjadi sebab kepada kepincangan ekonomi. Pemimpin dan rakyat tidak pernah memikirkan bahawa malapetaka yang berlaku datang dari Allah. Allah pula tidaklah sengaja suka-suka atau seronok-seronok menurunkan bala. Tidak pernah sesiapa memikirkan apa yang dialami sekarang adalah bala yang Allah turunkan kepada penduduk di negara ini disebabkan masing-masing menolak ketentuan Allah. Allah mahukan dunia ini ditadbirkan mengikut apa yang ditentukanNya, tetapi manusia menolak, lalu memilih cara yang difikirkan oleh mereka sendiri.

Di zaman Nabi Noh, bala yang diturunkan kerana manusia menolak peraturannya adalah dalam bentuk banjir. Dalam zaman Nabi Hud dan Salleh pula, dalam bentuk petir yang bergempita dan taufan. Di zaman Nabi Lut pula gempa bumi atau bumi diterbalikkan. Tetapi tidakkah kita

terfikir bahawa adanya getah tetapi tidak berharga, adanya kelapa, tetapi tidak laku, adanya bijih juga tidak laku dan lain-lain kejatuhan hasil utama itu disebabkan oleh pemimpin dan rakyat-rakyat bukan sekadar mengelak satu pentadbiran Islam tetapi mempersenda-sendakan peraturan Allah.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam kempen pilihanraya dahulu mempersenda-sendakan soal Hukum Potong Tangan, yang lain-lain pula memperli kewujudan Parti Allah yang diterjemahkan dari Hisbullah, satu istilah dari Al-Quran sendiri. Kejatuhan ekonomi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana pemimpin tidak bijak, tindakan tidak betul, rakyat tidak rajin, dalam banyak hal berkat pun memainkan peranan yang penting.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang. Hendak beri jalan pada dia? Ya, beri jalan, silakan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sekali lagi daripada Yang Berhormat itu. Siapa yang mempersenda-dakan ajaran Allah di antara UMNO dengan PAS?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau hendak faham tunggu, biar saya habiskan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menolak peraturan Allah bererti menolak berkat, kerana tidak ada keberkatan boleh menyebabkan segala-gala hasil bumi tidak dapat dinikmati oleh rakyat dan negara. Bila ada antara hamba Allah bercakap tentang jihad, nescaya ada pemimpin

dan penyokong Kerajaan membuat selaran dan tempelak sebagai hendak timbulkan huru-hara dan sebagainya. Sedangkan jihad itu sendiri adalah satu tuntutan dari Allah. Bagaimana akidah dan takwa boleh ditegak kalau ketika yang sama pemimpin-pemimpin Kerajaan memperlikan jihad.

Tuan Yang di-Pertua, kerana Kerajaan yang ada ini menolak roh jihad, lalu dasar luar yang digariskan dalam Titah Di Raja dahulu tidak mencerminkan semangat yang wajar yang ditunjuk oleh Kerajaan yang pro-Islam.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun sekali lagi, hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Bangun acap-acapnya!

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Othman bin Abdul: Minta penjelasan, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, beranikah Ahli Yang Berhormat menafikan bahawa PAS juga mempermain-mainkan Islam, contohnya Haji Hadi sendiri pernah membaca sepotong ayat suci. Beliau menterjemahkan, "Kalau sekiranya Tuhan tidak menjadikan dunia ini bergaduh, berkali berperang, maka rosak binasalah dunia ini". Ini adalah satu penipuan yang besar kepada Islam. Beranikah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menafikan perkara ini?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak tahu, tidak payah nafi, tetapi saya tahu Yang Berhormat ini lah selalu mengganggu ucapan Ahli Pembangkang (*Ketawa*).

Tuan Othman bin Abdul: Tidak berani menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan "tidak berani, tidak berani".

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau saya tidak berani, saya tidak ada dalam Dewan ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kerana Kerajaan yang ada ini menolak roh jihad, lalu dasar luar yang digariskan dalam Titah Di Raja dahulu tidak mencerminkan semangat yang wajar ditunjukkan oleh Kerajaan yang pro-Islam. Saya menyokong usaha Kerajaan menentang Dasar Apartheid atau perbezaan warna kulit di Afrika Selatan dan di mana-mana juga di dunia dan bila-bila masa juga. Memerangi kezaliman itu adalah satu yang dituntut dalam Islam, sekalipun yang dizalimkan itu orang bukan Islam. Tetapi saya tidak senang dengan dasar Kerajaan yang terlalu samar-samar berhubung dengan masalah Afghanistan dan Palestine sebagaimana yang disentuh dalam ucapan Titah Di Raja dahulu.

Kerajaan nampaknya tidak tegas dalam menyatakan sokongannya kepada perjuangan rakyat Afghanistan dan Palestin untuk membebaskan negara masing-masing dari pencerobohan musuh. Kerajaan sekadar menyatakan sokongan terhadap penyelesaian masalah kedua-dua negara itu. Kalau Kerajaan boleh menyatakan ia menyokong perjuangan menentang Apartheid, mengapakah Kerajaan tidak berani menyatakan yang ianya menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan dan Palestin? Menyokong penyelesaian masalah Afghanistan dan menyokong perjuangan rakyat Afghanistan, Tuan Yang di-Pertua, adalah dua perkara yang berbeza. Menyokong penyelesaian masalah Afghanistan belum bererti menyokong perjuangan Mujahidin. Persoalan yang penting sekarang ialah perjuangan rakyat atau Mujahidin itu adalah satu perjuangan yang mutlak. Perjuangan mereka mestilah disokong

sepenuhnya. Soal apakah mereka boleh menang atau kalah tidak berbangkit, yang penting ialah sokongan kepada yang hak dan keadilan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula, hendak beri jalan?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa beri penjelasanlah sekali, jangan asyik hendak baca ucapan. Tadi Yang Berhormat menyatakan di dalam menyokong perjuangan Mujahidin, yang saya tahu kita Pemuda UMNO ada membuat pungutan derma untuk Mujahidin, adakah PAS pernah menderma walaupun satu sen kepada perjuangan Mujahidin dan ke mana pungutan dibuat untuk derma kepada Mujahidin?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab satu, kalau kita derma pun, saya tidak beritahu kepada UMNO. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekadar menyokong penyelesaian sahaja belum tentu ianya telah menyokong yang hak dan keadilan, kalau penyelesaian itu mengekalkan pendudukan Soviet atau sebuah rejim pro-Soviet dikekalkan juga, maka adakah ia mesti disokong?

Tuan Mohamed bin Isa: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah tidak Ahli Yang Berhormat itu menjelaskan kepada Dewan ini sejak peperangan Mujahidin di Afghanistan, berapa ramai sudah Ahli-ahli PAS yang telah dihantar untuk membantu perjuangan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri tahu (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, susah.

Tuan Yang di-Pertua: Susah hendak beri tahu?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Bukan susah hendak beritahu, susah hendak layan (*Ketawa*).

Di negeri yang mengamalkan demokrasi, bercakap tidak boleh!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sudah hilangdah?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau sebagai menyokong, menyokong penyelesaian sahaja, belum tentu ianya telah menyokong yang hak dan keadilan, kalau penyelesaian itu mengekalkan penduduk Soviet atau sebuah rejim pro-Soviet dikekalkan juga, maka adakah ia mesti disokong? Apa yang kita mahu, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu sikap yang tegas iaitu kita mesti menyokong perjuangan Mujahidin untuk memerdekakan negaranya dan demikian juga dengan masalah Palestin. Sikap sekadar menyokong penyelesaiannya sahaja tidak memungkinkan tercapainya hasrat memupuk perpaduan.

Tuan yang di-Pertua, peranan yang cergas yang dimainkan oleh Kerajaan dalam Kumpulan Gerakan Negara-negara Berkecuali adalah suatu yang wajar dan betul, tetapi saya kurang mengerti mengapa Perdana Menteri terlalu cergas untuk membahagikan dunia ini kepada Kumpulan Negara-negara Selatan sesudah dunia ini dibahagikan kepada Timur dan Barat? Apakah muslihat yang terkandung kepada pembentukan Suruhanjaya Selatan-Selatan itu? Kebimbangan saya atas hal ini kalau-kalau ia satu sambungan

usaha golongan kiri membahagi-bahagikan dunia kepada blok Timur dan Barat sebelum dunia ini menjadi seperti sekarang.

Mereka yang berfahaman sosialis sentiasa menyekutukan diri dengan Timur. Sikap ini lebih ketara ditunjukkan oleh puak komunis Timur ataupun mungkin juga memandang ke Timur adalah satu semboyan bagi golongan sosialis dan tidakkah mungkin langkah berkampung di bawah nama Selatan-Selatan juga satu usaha memupuk semangat sosialis dalam bentuk baru. Kalau Selatan-selatan itu diilhamkan oleh sebuah majalah tasauf yang diterbitkan di London, maka jelaslah ia mencerminkan satu pemikiran golongan Sosialis.

Mungkin kita terlalu awal untuk membuat prasangka terhadap kumpulan baru itu, tetapi sudah cukup banyak pengalaman dan masalah akibat membahagikan dunia ini kepada sosialis dan bukan sosialis Barat dan Timur. Kini kita wajar, jangan pula membahagikan dunia ini kepada Selatan dan Utara pula. Kita menyokong gerakan berkecuali, kerana ia menjadi jalan tengah ataupun jalan keluar kepada konfrantasi Timur-Barat. Langkah mengaitkan diri dalam dunia berkecuali sesuai dengan kemahuan Islam yang bukan Timur dan bukan Barat. Ini bererti dunia ini juga tidak Utara dan tidak Selatan. Bagaimanapun, saya bersetuju dengan muafakat yang hendak mencari jalan untuk membetulkan aliran ekonomi dunia. Kumpulan Selatan atau apa juga namanya wajar diberi sokongan sepanjang ia bercita-cita untuk mencari kebaikan.

Tetapi mungkinkah para pemimpin dari kalangan orang-orang Islam yang cergas dalam badan-badan antarabangsa seperti itu menawarkan kepada gerakan itu akan kebaikan Islam, seperti keadilan, sistem

ekonomi, perpaduan dan lain-lain. Pemimpin orang Islam tidak patut malu untuk menyuarakan sesuatu yang boleh mendekatkan masyarakat antarabangsa dengan Islam. Kalau dunia hendak ditawarkan sosialisme, demokrasi dan sebagainya, mengapa orang-orang Islam tidak mahu mengemukakan kebaikan dan penyelesaian yang ada dalam Islam kepada dunia?

Kita sekalian menyokong perpaduan, baik dalam negeri mahupun di luar negeri, baik antara Islam mahupun bukan Islam, tetapi kita harus menerima bahawa dunia telah gagal mencari persefahaman melalui berbagai-bagai approach, cumanya dunia belum dikenalkan dengan approach Islam yang terdapat banyak dalam sirah atau perjalanan Rasulullah s.a.w. Perpaduan mengikut konsep Islam bukan sekadar menjaga kepentingan orang-orang Islam, tetapi ia boleh memberikan rahmat kepada seluruh alam—"Wama arsalnaka illa rahmatan lil'alamin". Atas keyakinan inilah parti saya menolak sebarang bentuk dominasi politik mengikut landasan ras.

Sebagai orang Melayu, mungkin saya suka kepada dominasi politik Melayu, tetapi sebagai seorang Islam, saya menyatakan bahawa keselamatan Islam menjamin segala-galanya. Dominasi politik Melayu belum menjamin keselamatan Islam, bahkan orang-orang Melayu sendiri. Sebagai contohnya, apakah ramainya orang-orang Islam di setengah negara, termasuk negara yang terhampir dengan kita dapat menyelamatkan Islam bila dominasi politiknya diletakkan ke tangan bangsanya yang tidak mementingkan Islam?

Atas keyakinan inilah juga, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tertarik dengan ucapan Wakil dari Kok Lanas di Singapura tidak lama dahulu. Ucapan itu telah menyebabkan timbul lagi prasangka kaum. Beliau telah

menimbulkan soal dominasi politik Melayu. sedang partinya tidak berbuat apa-apa untuk menuju ke arah itu, sekadar bercakap-cakap, tetapi tidak berbuat apa-apa, telah menyebabkan orang-orang Melayu bertambah malang. Orang menyangka bahawa orang Melayu telah berada di satu tempat yang sangat gagah sehingga orang merasa cemas sedangkan hanya tidak sedemikian. Saya kira Wakil Kok Lanas mempunyai idealisme yang tinggi dan bila partinya tidak membuat sesuatu seperti yang dikehendakinya, maka jadilah perkara itu laksana petir yang tidak menitiskan hujan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya sentuh ialah masalah pilihanraya. Oleh kerana PAS adalah sebuah Pertubuhan Islam yang mengambil bahagian sama dalam politik mengikut peraturan yang ditentukan oleh negara, maka adalah dinyatakan bahawa PAS berazam untuk mengambilalih kekuasaan dan pentadbiran negara ini. Hasrat itu tidak dibuat atas sebab-sebab dengki kepada UMNO atau sengaja hendak menumbangkan Kerajaan yang sudah berjalan sekian lama itu. PAS telah didaftarkan sebelum UMNO berkuasa di negara ini dan sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Oleh kerana cara yang terbuka bagi mengambilalih kekuasaan dalam masa yang normal dibuat melalui pilihanraya, maka PAS akan mencuba dari satu pilihanraya kepada satu pilihanraya bagi mendapatkan kekuasaan.

Kemungkinan kuasa negara ini akan jatuh ke tangan PAS tidak pernah dapat difikirkan oleh semua pihak di masa-masa yang lalu, tetapi ianya sudah bukan dikira mustahil lagi dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan tahun yang akan datang. Justeru itulah perhatian ditumpukan terus oleh semua pihak dalam dan luar negeri, cumanya sekarang ialah nasib belum ada dan ia mungkin disebabkan

oleh kelemahan-kelemahan yang ada padanya yang dipercayai akan dibaiki dari semasa ke semasa.

Beberapa teguran yang dibuat oleh anggota-anggota Yang Berhormat terhadap ucapan saya yang serba sederhana ketika membahaskan Titah Di Raja dahulu saya berikan perhatian, tetapi saya ingin menarik perhatian bahawa teguran yang saya buat terhadap masalah pilihanraya bukanlah dibuat atas sebab-sebab PAS tidak menang, tetapi untuk menyempurnakan sifat dan roh pilihanraya itu sendiri. Kalau teguran itu tidak disenangi oleh anggota-anggota Barisan, maka di manalah dakwaan yang mengatakan rakyat dan Barisan sudah sehati dengan demokrasi berparlimen. Insya Allah, pilihanraya-pilihanraya akan datang akan disertai oleh PAS, baik kalah ataupun menang, walaupun kami rasakan kelemahan dan berat sebelah Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah jelas, belum lagi PAS memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata "berat sebelah Suruhanjaya Pilihanraya". Itu tak boleh dikatakan. Minta tarik balik.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak apa, saya tarik balik. Belum lagi masa memikirkan untuk tidak menyertai pilihanraya atau untuk memikirkan kemenangan cara lain, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya itu dirasakan tidak benar-benar bebas, ia seolah-olah sebuah biro bagi UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tak benarkan Yang Berhormat bercakap macam itu, katakan mereka itu tak bebas. Minta tarik balik yang itu. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak apalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tarik balik. Yang Berhormat mengatakan "Suruhanjaya Pilihanraya tidak bebas", saya tak benarkan. Saya minta tarik balik.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Boleh saya tarik balik, tetapi macam mana saya hendak hujah dengan kenyataan saya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang kepada Yang Berhormat, tetapi di bawah Peraturan Mesyuarat pun tak boleh membenarkan Yang Berhormat berkata macam itu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya tarik balik, maka saya mengalihkan pandangan saya kepada.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tarik balik, bukan beralih kepada pandangan yang lain-lain.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta tarik balik itu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tarik baliklah, kalau ucapan saya itu berdasarkan sesuatu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Masalah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang lebih terkenal dalam dan luar negeri sebagai ISA, lebih tepat dipanggil Undang-undang "Ikut Suka Aku". Di sini dimaksudkan Kerajaan berkuasa dan/atau Menteri yang menjawat jawatan itu. Ketika Akta ini dikemukakan dalam tahun 1960

bagi menggantikan undang-undang Darurat—ciptaan British penjajah itu—anggota-anggota PAS di Dewan ini ketika itu telah memberikan sokongan. Sokongan itu sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bersyarat, iaitu sepanjang ia tidak digunakan bagi tujuan lain dari komunis dan agen-agen dalam anika bentuk. Sebenarnya dari awal-awal lagi kita bimbang dengan bentuk dan roh undang-undang itu. Kebimbangan itu ialah ianya disalahgunakan oleh orang-orang yang berkuasa bagi menjaga kedudukan dan kepentingan politik peribadi dan kumpulannya. Dugaan di masa itu juga ialah kemungkinan undang-undang itu tidak sekadar untuk menghadapi ancaman dan anasir-anasir komunis, tetapi akan ditujukan kepada mana-mana pihak yang mengancam kedudukan dan kekuasaan parti memerintah.

Bagaimanapun, atas rasa ingin mencuba kejujuran pemimpin-pemimpin Kerajaan yang ketika itu di bawah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra dan Almarhum Tun Abdul Razak, maka PAS memberikan sokongan bersyarat. Risiko yang hadapi oleh pemimpin PAS begitu besar bila menyokong Rang Undang-undang ISA itu, mereka dikritik oleh ahli-ahli dan penyokong-penyokong Pembangkang yang lain, tetapi kerana ingin memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin UMNO untuk menjagakan soal-soal negara yang baru merdeka ketika itu, maka risiko tadi dihadapi dengan penuh tanggungjawab.

Sikap tanggungjawab dan jiwa besar pemimpin-pemimpin PAS ketika itu tetap kami banggakan, tetapi jelas apa yang berlaku kemudiannya ialah Akta itu telah menyapu sama ramai pemimpin-pemimpin PAS. Dalam masa 25 tahun lebih usia Akta itu, tak putus-putus anggota-anggota PAS telah menjadi mangsa ISA, ada yang dikurung di khemah tahanan

Kemunting dan Batu Gajah dan ramai yang dibuang daerah. Terlalu banyak sudah bantahan dan kecaman dibuat di dalam dan di luar negeri tentang undang-undang yang tidak memberi peluang kepada mangsanya untuk membela diri itu, tetapi kini sudah tiba masanya Kerajaan sendiri mengakui akan kezalimannya mengekalkan undang-undang ini. Ia bukan sahaja kini menjadi sasaran pihak Pembangkang, tetapi Kerajaan sudah ditempelak oleh penyokongnya sendiri.

Saya tertarik, Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah yang disampaikan oleh Wakil dari Kok Lanas ketika membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat, 10hb Oktober lalu. Wakil Kok Lanas memilih hari Jumaat dan membuat kenyataan di Dewan Rakyat tentunya disengajakan dan mempunyai maksud yang jelas. Antara ditekankan ialah dianya telah menjadi mangsa penyalahgunaan Undang-undang ISA itu. Sambung wakil itu, saya quote:

“Jika saya tidak silap, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga pernah menjadi mangsa penyelewengan undang-undang itu. Begitu juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan juga Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.”

Ketika menggulung atau menjawab hujah-hujah yang dibangkitkan, Timbalan Menteri Dalam Negeri yang bercakap bagi pihak Menteri telah tidak memberi sebarang ulasan terhadap keterangan Wakil Kok Lanas itu.

Ucapan Wakil Kok Lanas sesungguhnya mencabar tindakan Kerajaan bukan sahaja ke atas dirinya, tetapi juga telah mencabar pelaksanaan Akta itu pada keseluruhannya. Apa yang dicakap oleh beliau itu adalah apa yang pernah

disebut acap kali oleh tokoh-tokoh di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini.

Sekiranya setiap orang mahu meneliti bahawa salah guna kuasa itu bukan sekadar berlaku ketika Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, malah ia juga telah berlaku ketika Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Perdana Menteri dan juga semasa Tun Abdul Razak berkuasa. Wakil Kok Lanas adalah Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika saya ditahan tahun 1963 hingga 1964. Saya ditahan di Batu Gajah. Ketika itulah juga saya bertanding sebagai calon PAS dan Alhamdulillah menang, walaupun saya dikurung oleh Kerajaan Perikatan ketika itu. Saya tidak meminta Wakil Kok Lanas membela saya, tetapi beliau secara sukarela mendedahkan bahawa saya juga menjadi mangsa ISA. Tentulah rakan-rakan saya yang lain sudah lepas, yang menjadi mangsa ISA di zaman Tunku Abdul Rahman juga kerana penyalahgunaan undang-undang itu.

Wakil Permatang Pauh dan Pasir Mas yang ditahan dan dikurung semasa Peristiwa Baling tahun 1974 adalah ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri. Keduanya beberapa tahun kemudian masuk UMNO dan tidak lagi mencercakan ISA. Sebaliknya Wakil Kok Lanas pula, ia lebih berani dari Wakil Permatang Pauh, sanggup menyatakan kebenaran. Apabila pemimpin Kerajaan sekarang tidak membuat sebarang penjelasan mengenai perkara itu dan tidak pula mengambil sebarang tindakan kepada Wakil Kok Lanas yang menempelak atau mencabar kejujuran Kerajaan Barisan selama ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pemimpin-pemimpin sekarang tidak berani menolak pendedahan Wakil Kok Lanas itu. Wakil Kok Lanas itu bukan sekadar rapat kepada Perdana Menteri sekarang, malah beliau lebih

rapat dengan Tun Abdul Razak dari lain-lain tokoh politik yang ada sekarang ini. Oleh kerana Tun Abdul Razak tidak ada lagi bersama kita, tentulah beliau tidak dapat sebarang pembelaan, tetapi di mana Tunku Abdul Rahman hendak meletakkan muka atas tindakannya menangkap saya menurut Wakil Kok Lanas. Saya menjadi mangsa penyalahgunaan Undang-undang ISA.

Kerajaan UMNO sekarang tidak membela Tunku Abdul Rahman, tetapi Tunku Abdul Rahman masih rela lagi berada dalam UMNO. Inilah yang saya tidak faham. Kalaupun Tunku Abdul Rahman hendak menafikan tuduhan Wakil Kok Lanas itu, tetapi apakah kita hendak pakai kenyataan di luar Parlimen ataupun kenyataan dalam Parlimen. Penyalahgunaan Undang-undang ISA itu bukan dahulu sahaja berlaku, sekarang pun berlaku.

Dalam peristiwa penahanan beberapa orang tokoh PAS Terengganu selepas pilihanraya tahun 1982 tidak terdapat satu tuduhan yang jelas. Ustaz Abdul Latiff Mohamad yang ditahan mula-mulanya di Kuantan, kemudiannya dibuang daerah ke Sitiawan dan akhirnya ditukar ke Batu Gajah. Cik Si Timah Jusoh dibuang daerah ke Kampar dan Haji Ahmad dari Dungun dibuang daerah ke Melaka. Tidak ada tuduhan yang munasabah yang dibuat terhadap mereka, tetapi yang jelas ialah tindakan itu dibuat atas desakan Perhimpunan Agung UMNO. Wakil UMNO Terengganu bernama Shafie Daud telah menggesa supaya tindakan dikenakan kepada pemimpin-pemimpin PAS bagi memastikan terjaminnya pengaruh UMNO di Kelantan dan Terengganu. Perwakilan UMNO mencabar apa yang dipanggil anak Pak Itam supaya bertindak. Orang yang dipanggil anak Pak Itam itu pula membalas bahawa anak Pak Itam pantas dicabar.

Dalam Perhimpunan UMNO setahun kemudiannya lagi tekanan dibuat supaya Kerajaan bertindak lagi terhadap pemimpin-pemimpin PAS, malah ada yang meminta supaya PAS itu sendiri diharamkan. Shafie Daud juga menjadi juara jurucakap utamanya. Kemudian anak Pak Itam pun bertindak terhadap Ustaz Abu Bakar Chik dari Terengganu, Mohamed Sabu dari Seberang Perai dan Haji Buyamin Yaakob dari Kelantan. Ketiga-ketiga mereka dibebaskan sesudah timbulnya.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Siapa ini anak Pak Itam? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau tak kenal betul, boleh saya cakap. Tetapi maksud saya bekas Timbalan Perdana Menteri. Kenal?

Apabila polis bertindak terhadap kumpulan Ibrahim Libya, terdapat kenyataan akhbar yang tersiar di sebelah utara sahaja bahawa tindakan itu diambil oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu, iaitu tahun 1985 kerana sudah dua tahun berturut-turut beliau dikritik dalam Perhimpunan Agung UMNO kerana tidak mengambil tindakan kepada Ustaz Ibrahim Libya dan kumpulannya.

Apa yang perlu didedahkan di sini ialah bahawa tindakan itu lebih banyak dibuat atas desakan Perhimpunan Agung UMNO dari hendak menjalankan undang-undang. Bukan undang-undang menghendaki tindakan itu dilakukan, tetapi kerana kemahuan ahli-ahli UMNO. Adakah yang mentadbirkan negara ini Perdana Menteri dan Kabinetnya, Tuan Yang di-Pertua, atau Shafie Daud yang memerintah negara ini? Siapakah pemimpin Malaysia antara Perdana Menteri dan Shafie Daud? Yang

meyakinkan bahawa Akta itu dilaksanakan ikut suka sahaja, dapat dilihat dari kes Ustaz Abdul Latiff Mohamed. Beliau ditukar untuk buang daerah ke Batu Gajah dari Sitiawan kerana UMNO Lumut bimbang dengan pengaruhnya. Ramai pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian Lumut mengikut.

Dr Abdul Hadi bin Derani: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan. Sila.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan adakah ini perbahasan Belanjawan 1987 ataupun kempen PAS?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Susah.

Tuan Yang di-Pertua: Susah hendak jawab ya (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau tempat belajar boleh saya hoyak (*Ketawa*). Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Beliau ditukar untuk buang daerah ke Batu Gajah dari Sitiawan kerana UMNO Lumut bimbang dengan pengaruhnya. Ramai pemimpin-pemimpin UMNO Bahagian Lumut mengikuti kuliahnya, maka atas desakan UMNO Lumut beliau ditukar pula ke Batu Gajah. Bila tempoh buang daerahnya tamat, maka sehari sebelum tamat, beliau diberi tahu bahawa tempoh buang daerahnya dilanjutkan lagi. Surat itu ditandatangani oleh Timbalan Menteri, Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad. Bila kes ini dibawa ke mahkamah maka beliau telah dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak mengapa, saya tarik balik. Bila kes ini dibawa ke mahkamah, maka beliau telah dibebaskan sebelum Mahkamah Tinggi Ipoh sempat mendengar kes itu. Adalah jelas bahawa langkah melanjutkan tempoh buang daerahnya atas kemahuan UMNO Terengganu yang bimbang akan pengaruh parti di negeri itu menjelang pilihanraya lalu.

Demikian juga dengan penahanan orang-orang tahanan Memali, mereka diserang tanpa sebarang amaran. Orang-orang yang ditahan di Kem Tahanan Kemunting dibebaskan sedikit demi sedikit. Pembebasan itu dipercayai kerana Kerajaan hendak mengelakkan perkara itu didengar di mahkamah. Segala keterangan ini menyebabkan kita yakin penyalahgunaan Undang-undang ISA ini bukan berlaku dahulu sahaja, sekarang pun di bawah Kerajaan yang disokong oleh Wakil Kok Lanas meneruskan tradisi silam itu. Saya tidak faham mengapa Wakil Kok Lanas menyokong lagi Kerajaan serupa itu.

Masanya sudah tiba bagi Kerajaan untuk mengkaji semula dan memansuhkan undang-undang yang karut ini. Undang-undang itu bukan sahaja telah disalahgunakan tetapi Kerajaan sendiri dari semasa ke semasa tidak menunjukkan mampu berlaku adil. Anehnya ramai dari mangsa ISA itu memegang kedudukan penting dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih pula kepada masalah Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak berucap panjang lagikah? Sudah sejam lebih!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau boleh sehingga masa habislah! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Banyak lagi (*Ketawa*). Saya seorang, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Kalau saya seorang mengambil sejam, sudah berapa kali "per" dengan 100 itu! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: bukan salah sesiapa di sini. Sila teruskan, tetapi jika boleh pendek-pendekkan sedikit. Jikalau boleh, bolehkah habiskan pada hari ini juga?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang perlu saya sentuh ialah urusan yang atas kehendak Parlimen urusan itu hendaklah dikawal oleh sebuah Lembaga yang bernama Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Badan dicetuskan atas pandangan Professor di Raja Ungku Abdul Aziz ini bertujuan untuk memberikan perlindungan dan khidmat kebajikan kepada para jemaah Haji yang tidak begitu terurus sebelum merdeka.

Tidak dinafikan keupayaan Perbadanan ini menjadi sebuah gedung niaga yang terkemuka dan berkebakikan sekiranya ia ditadbir dan dirancang mengikut matlamat asal. Atas sokongan seluruh umat Islam, Tabung Haji telah pun menjadi sebuah badan gergasi dan mempunyai bangunan yang tersergam lagi indah di tengah-tengah Ibu Kota ini. Walaupun senibina Dayabumi dan bangunan Pusat Islam menjadi perhatian tetapi sehingga ini belum ada bangunan di negara ini yang boleh ditandingi bentuk dan daya-reka bangunan Tabung Haji itu, malah di seluruh

Asia ini sendiri tidak ada bangunan yang sehebat bangunan Tabung Haji ini. Banyak bangunan tinggi dan bulat baik di Singapura mahupun di Tokyo tetapi bangunan tinggi, bulat lagi ramping cuma ada pada bangunan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata ramping, bangunan itu ramping, ya! (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Oleh kerana pelannya begitu seni, terlalu sulit untuk membinanya, ia memerlukan tukang yang mahir dan perbelanjaan yang besar. Adakah wajar sebuah bangunan untuk Islam yang serba sederhana mempunyai bangunan yang termahal? Walaupun Islam itu tinggi dan besar, tiada yang lebih tinggi dan tiada yang lebih besar, tetapi apakah ketinggian itu harus ditunjukkan dalam bentuk bangunan yang termahal sehingga wang yang wajar boleh untuk lain-lain keperluan umat Islam lalu dicurahkan untuk membina sebuah bangunan yang ramping lagi gagah. Saya bimbang kalau pembinaan ini dipengaruhi oleh cara berfikir Shah Jehan, Maharaja India yang membina pusara untuk Maharani Taj Mahal, menelan perbelanjaan besar, menggunakan ramai tenaga manusia dan mengambil masa 20 tahun pembinaannya. Ia menunjukkan keagungan senibina di zaman Shah Jehan tetapi ia tidak begitu banyak erti kepada rakyat yang tidak terbelah kehidupannya, malah Islam sendiri tidak dapat dipertahankan di India.

Islam mahukan keindahan dan kekuatan tetapi dengan perbelanjaan yang sederhana, yang munasabah. Islam tidak suka boros dan tidak suka menunjuk-nunjukkan. Saya percaya sekiranya wang yang begitu besar yang dicurahkan untuk satu bangunan indah itu digunakan untuk membangunkan ekonomi dan kewangan umat Islam adalah lebih berfaedah. Bukan bangunan itu tidak

berfaedah tetapi sebahagian dari wang itu dijadikan modal membeli kapal untuk kegunaan jemaah Haji dan lain-lain keperluan, membuat pelaburan kelapa sawit di Sumatra misalnya, bukankah lebih memberangsangkan? Kalau syarikat asing yang mendapat keuntungan dari penjualan ladang dan hartanya kepada Malaysia menggunakan wang dari Malaysia ini untuk membuka ladang sawit di Indonesia dan lain-lain tempat di dunia, mengapa ini tidak boleh diambil kesempatan sekiranya Tabung Haji mempunyai modal? Tidakkah keperluan daging yang begitu besar di negara ini dijadikan tanggungjawab oleh Tabung Haji dengan menggunakan wang bagi menjadikan Malaysia negara ternak dan mempunyai industri pemakanan.

Saya tidak berhajat untuk mencadangkan agar Tabung Haji melibatkan diri dalam hal yang disebut itu, tetapi sekadar membuat perbandingan mana lebih baik dan bermanfaat, membina bangunan yang begitu mahal atau melibatkan diri dalam hal-hal yang lebih bermakna. Pihak Tabung Haji sepatutnya lebih faham tentang apa yang ia patut sertai. Dalam zaman perkhidmatan yang sudah serba berkembang sekarang, Tabung Haji terpaksa memikirkan supaya khidmat kebajikan untuk para jemaah lebih diutamakan dari matlamat perniagaan sambil ia melibatkan para jemaah Tabung Haji wajar membuat untung dari pelaburan yang dibuka luas kepadanya itu.

Sebagai badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Tentu ia mempunyai peluang dan kemudahan yang besar untuk merebut kesempatan yang ada.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang itu, hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika beri jalan. . . .

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak ada masa. Keuntungan selain dari meluaskan dan mengembangkan perniagaan Tabung Haji wajar dilimpahkan kepada para jemaah yang dengan Tabung Haji diwujudkan. Setakat ini kemudahan menunaikan Haji terbuka luas. Para jemaah boleh mendapatkan perkhidmatan yang mereka fikirkan baik untuk mereka.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan? Dia hendak minta sedikit sahaja.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ya, bolehlah! (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sama ada penyokong-penyokong PAS menggunakan perkhidmatan Tabung Haji sebelum hendak ke Mekah atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau dapat kehendak, saya gunalah! (*Ketawa*). Bolehkah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Setakat ini kemudahan menunaikan Haji terbuka luas. Para jemaah boleh mendapatkan perkhidmatan yang mereka fikirkan baik untuk mereka. Kalau mereka ada pilihan, maka mereka mungkin memilih mana satu perkhidmatan yang boleh memuaskan mereka. Kemudahan yang ditawarkan oleh

Tabung Haji ialah menjamin ada pasport Haji, ada visa Haji, ada penerbangan, ada tempat menginap di Tanah Suci, di Arafah dan di Mina, ada tempat tinggal di Madinah, selain dari itu ada kemudahan perubatan dan tempat bertanya. Tetapi di zaman perlumbaan ini lain pihak juga boleh menawarkan perkhidmatan yang serupa, malah ada yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik. Sekiranya ada jemaah yang membayar lebih maka orang itu layak mendapat perkhidmatan yang lebih baik dan selesa. Sekarang ada pihak bebas yang sedia memberikan lain-lain khidmat seperti menyediakan makanan, rumah tumpangan berhawa dingin, mengadakan guru khas untuk memandu jemaah mengenai ibadah dan ada pembantu. Ada pula lawatan ziarah ke tempat-tempat bersejarah di Saudi dan kawasan sekitar. Perlumbaan seperti ini adalah sihat kerana para jemaah ada pilihan dan ejen perkhidmatannya tentu berusaha untuk membaiki perkhidmatannya supaya jemaahnya berpuas hati. Tetapi Tabung Haji setakat ini mengambil sikap yang tertutup. Ia menggunakan peruntukan yang diberikan oleh Parlimen kepadanya untuk monopoli urusan pemergian Haji sedangkan ia tidak mampu untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dari pihak yang lain. Ramai orang mulai memilih pergi bersendirian sekiranya Tabung Haji tidak menghalang. Tabung Haji telah menggunakan kuasa yang ada padanya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya ingin tahu sahaja, siapakah yang menyediakan ucapan Yang Berhormat ini? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan memberi jawab soalan itu. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau mahu ucapan saya, boleh saya sediakan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, perlumbaan seperti ini adalah sihat kerana para jemaah ada pilihan dan ejen perkhidmatannya tentu berusaha untuk membaiki perkhidmatannya supaya jemaahnya berpuas hati. Tetapi setakat ini Tabung Haji mengambil sikap yang tertutup, ia menggunakan peruntukan yang diberikan oleh Parlimen kepadanya untuk monopoli urusan pemergian Haji sedangkan ia tidak mampu untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik daripada pihak yang lain. Ramai orang mulai memilih pergi bersendirian sekiranya Tabung Haji tidak menghalang.

Tuan Ghazali bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri jalan, Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan, sila duduk! Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tabung Haji telah menggunakan kuasa yang ada padanya bagi mempengaruhi Kedutaan Arab Saudi untuk tidak mengeluarkan visa haji bagi orang-orang yang pergi bersendirian, iaitu melalui swasta. Kedutaan Saudi tidak ada halangan untuk mengeluarkan visa tetapi ada kemungkinan Kerajaan Malaysia sentiasa mengganggu urusan dalam Kedutaan itu. Malah pihak Malaysia juga cuba mempengaruhi Kedutaan Saudi di Singapura supaya menghalang orang-orang Malaysia mendapatkan visa. Tabung Haji sebenarnya masih diperlukan untuk mengawal urusan haji. Ia dipercayai boleh memperbaiki perkhidmatannya, tetapi sikap monopoli yang dijalankan sekarang tidak membolehkan ia memberikan perkhidmatan yang baik. Tabung Haji tidak bersedia mengadakan kakitangan yang cukup untuk mengendalikan urusan yang baik di Mekah dan Madinah. Apatah lagi kakitangan Tabung Haji adalah kakitangan Kerajaan yang cara Kerajaan samalah dengan kakitangan Kerajaan yang lain bekerja mengikut masa waktu pejabat.

Saya bersetuju bahawa pengendaliannya bukan mudah, tetapi kita mesti faham bahawa orang yang hendak ke Mekah itu antaranya pergi sekali seumur hidup, antaranya mengumpulkan wang seumur hidup untuk pergi sekali. Bila mereka tidak dapat perkhidmatan yang baik, maka tentulah dia telah tidak mendapat pembelaan dan keadilan sedangkan dia boleh mendapat perkhidmatan yang baik kalau diadakan dasar terbuka dengan memberi tanggungjawab itu kepada ejen-ejen perkhidmatan lain yang dikawal rapi perjalanannya oleh pihak Tabung Haji.

Saya mengesyorkan supaya Tabung Haji mengubah cara khidmatnya di samping ia mengendalikan urusan seperti biasa, ia membuka peluang

kepada pihak bebas untuk mengendalikan jemaah secara berkumpul. Setiap pihak dibolehkan mendapat kebenaran dari Tabung Haji dan bolehlah dikenakan apa-apa syarat yang munasabah bagi memestikan jemaah haji tidak tertipu dan tidak terkandas. Jadikan Tabung Haji tempat orang ramai mengadukan kelemahan ejen-ejen haji itu. Sekarang bila Tabung Haji tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan, kepada siapa jemaah hendak mengadu? Contohnya pihak swasta boleh memberikan perkhidmatan yang baik ialah dalam tahun 1984. Satu rombongan yang pergi melalui Saudi mengikut Singapura telah memberikan khidmat yang jauh lebih baik. Rombongan sekitar 500 orang dari Malaysia itu diakui oleh semua pihak telah memberikan sesuatu yang belum dilakukan oleh Tabung Haji ketika itu. Tabung Haji sedar hakikat ini. Tabung Haji telah cuba memburukkan rombongan itu ketika mereka mula tiba di Tanah Suci dalam penerbangan yang pertama, mereka menghadapi masalah kebenaran masuk ke Mekah kerana peraturan muassasah baru dilancarkan pada musim haji itu belum diketahui umum. Tabung Haji dan Duta Malaysia di Mekah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang itu. Hendak beri jalan? Dia tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tabung Haji dan Duta Malaysia di Mekah telah menggalakan pihak muassasah menghalang perjalanan rombongan itu. Muassasah telah cuba memaksa rombongan itu menyertai Tabung Haji bagi dibahagi-bahagikan kepada maktab-maktab dalam muassasah. Mereka bukan datang untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, sebaliknya mereka menghasut supaya

orang-orang itu dikenakan tindakan. Jemaah itu telah dikurung hampir 24 jam dalam sebuah rumah cantik di tengah padang pasir di pinggir kota Mekah. Tetapi dengan ikhtiar pihak penganjur, mereka terpaksa melepaskan rumah yang sudah ditempah lalu menyewa rumah lain, tetapi tetap bebas dari Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula. Ya, dia beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini ada satu rombongan yang diperolehi oleh seorang pemimpin PAS yang telah gagal untuk pergi ke Mekah dan terpaksa meminta pertolongan daripada Tabung Haji. Kalau ya, adakah ini salah satu daripada khidmat yang akan dibuat oleh ejen-ejen swasta yang kebanyakannya dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin PAS?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara itu berlakulah saya bangkitkan dalam Dewan ini. (Ketawa) Kalau tidak, saya biarkan. Kerana perkara itu berlaku dan apa yang berlaku itu ada hubungan dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta beri dia teruskan ucapannya. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak bolehkan Tuan Yang di-Pertua menggunakan kuasa untuk menyekat wakil-wakil Kerajaan ini mengganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh buat cadangan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ini Dewan Rakyat, tidak Dewan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tetapi dengan ikhtiar pihak penganjur, mereka terpaksa melepaskan rumah yang sudah ditempah lalu menyewa rumah lain tetapi tetap bebas dari Tabung Haji.

Di Kuala Lumpur akhbar telah menyiarkan berita gempar yang berpunca dari Tabung Haji mengatakan rombongan itu terkandas di Mekah. Apakah untungnya Tabung Haji mengambil inisiatif membuat propaganda itu? Ia telah menyusahkan keluarga jemaah haji, hingga ada seorang jemaah yang belum berangkat dengan penerbangan kedua gugur diserang sakit jantung. Dengan kehendak Allah para jemaah itu selamat dan mendapat khidmat yang lebih baik, tetapi tahun itu jemaah Tabung Haji paling porak-peranda halnya masalah yang berlaku kemudian. Rombongan seperti itu tidak lagi mudah untuk mendapat visa di Kuala Lumpur dan Singapura. Visa mungkin boleh didapati melalui Kedutaan Saudi di Korea, Latin Amerika atau Eropah. Ini hal yang sulit, maka pihak tersebut telah berunding dengan Tabung Haji bagi mendapatkan visa dan penerbangan, maka terjalinlah persetujuan di antara kedua pihak. Tiada apa-apa masalah lain tahun itu. Tetapi tahun ini terdapat masalah, pihak itu berurusan dengan Tabung Haji tetapi tidak beres. Walaupun pihak penganjur cuba untuk meletakkan cagaran geran dan cuba membuat bayaran melalui cheque pada saat terakhir, pihak Tabung Haji tidak membuka ruang penyelesaian.

Dukacita setakat ini kita mendengar maklumat dari satu pihak iaitu Tabung Haji tetapi pihak satu lagi tidak berpeluang untuk membuat penjelasan. Sekarang sudah banyak rombongan pergi sendiri. Mereka

berbelanja jauh lebih murah tambang, makan dan segala urusan, sekitar \$4,000 mereka boleh tinggal lebih lama di Mekah.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun atas Tertib Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Atas Tertib Mesyuarat? Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Ismail bin Said: 35 (6)— Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya dan seterusnya.

Nampaknya mengikut apa yang saya faham, ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa seolah-olah beliau menganjurkan supaya pergi ke Mekah secara swasta. Saya hendak tahu sama ada beliau pernah menganjur pemergian ke Mekah secara swasta di mana beliau jadi penganjur. Jika demikian, beliau hendaklah menerangkan kepentingan kewangan sebanyak mana dia ada dalam kes ini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka, Ahli Yang Berhormat sampai begitu tidak faham. Saya memberi penjelasan perkara yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi yang diminta di bawah tatatertib, adakah Yang Berhormat ada kepentingan kewangan dalam mana-mana syarikat swasta?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Walau apapun, saya tidak terlibat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak terlibat. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Mereka boleh tinggal lebih lama di Mekah tetapi melalui Tabung

Haji, seorang mesti membayar sebanyak \$5,000 dan kemudian harus ada wang saku sekitar \$1,000 lagi atau lebih. Jemaah Tabung Haji sudah menyimpan wang dengan Tabung Haji. Tabung Haji dipercayai membuat banyak keuntungan. Tetapi mengapa mereka yang pergi dengan rombongan yang dinaungi oleh Kerajaan terpaksa berbelanja lebih mahal, sedangkan orang yang pergi bersendirian dapat menyelamatkan wang?

Tabung Haji mesti menjelaskan hal ini dan mengusahakan tambang yang lebih murah. Misalnya, tambang yang dikenakan sekarang hampir sama dengan penerbangan biasa sedangkan kapalterbang chartered biasa memberi tambang yang lebih murah kepada penumpang-penumpang.

Tabung Haji mesti membentangkan cara perbelanjaan supaya orang ramai tahu. Kalau Tabung Haji fikir bahawa orang yang pergi sendiri boleh murah kerana menaiki kapalterbang Pakistan ataupun Bangladesh mengapa penumpang biasa kapalterbang asing lebih murah dari penerbangan chartered MAS.

Tabung Haji mesti menjelaskan berapa keuntungan dari segi komisen atas satu kepala yang didapati dari penerbangan. Adakah MAS mengenakan bayaran yang tinggi kepada orang kampung yang miskin' untuk beribadat bukan untuk melancung ataupun Tabung Haji mengenakan tambang yang tinggi atau keduanya berpakat untuk mencari untung tinggi dari tetamu Allah itu.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Tabung Haji mesti dikaji semula. Kalau perlu Profesor Di Raja Ungku Abdul Aziz dilantik untuk mengepalai satu Pasukan Menilai Perkhidmatan Tabung Haji, adakah dia sudah memenuhi hasrat dia ditubuhkan dan adakah dalam dunia. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun dibelakang sana. Hendak beri jalan atau tidak? jika tidak beri jalan, tidak apalah, tak gaduh apa-apa. Kalau beri jalan, janganlah sekejap lagi merungut.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya beri jalan, saya hendak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini jangan merungut.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja mendengar cadangan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa supaya Kerajaan melantik Profesor Di Raja Ungku Abdul Aziz untuk mengetuai Tabung Haji. Saya berasa hairan mengapakah tidak Yang Berhormat Pengkalan Chepa ini mencadangkan Tuan Haji Abdul Hadi untuk mengetuainya. Adakah ini menunjukkan Haji Abdul Hadi tidak berkemampuan untuk mengetuai Tabung Haji itu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya cadang orang lain tidak diterima, saya cadang orang saya lagi tidak terima (*Ketawa*).

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Tabung Haji mesti dikaji semula. Kalau perlu, Profesor Di Raja Ungku Abdul Aziz patut dilantik untuk mengepalai satu Pasukan Menilai Perkhidmatan Tabung Haji, adakah ia sudah memenuhi hasrat ianya ditubuhkan dan adakah dalam dunia yang sedang berubah ini.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula di belakang sana.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Adakah dia sudah memenuhi hasrat ia ditubuhkan dan adakah dalam dunia yang sudah berubah ini cara perkhidmatan masih mahu memperniagakan jemaah haji yang mengumpul duit untuk ke Mekah sekali seumur hidup patut diteruskan oleh badan separuh Kerajaan itu.

Saya menganggap apa yang berlaku dan apa yang dilakukan oleh Tabung Haji sekarang bercanggah dengan hak undang-undang yang diberi oleh Parlimen dan bercanggah dengan tujuan asal Tabung Haji ditubuhkan serta roh ibadat jemaah haji itu sendiri iaitu tujuan asal ditubuh untuk mengumpulkan harta umat Islam dari terbiar.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula di belakang itu. Tidak payah tengok jam, kalau hendak beri-beri. Jika tidak beri, tidak apa.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya berilah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap yang Berhormat dari Pengkalan Chepa melafazkan satu tuduhan kepada Tabung Haji yang menyatakan percanggahan. Apakah Yang Berhormat bersedia membuat cabaran itu di mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak bersangkutan dengan apa yang diucapkan tadi. Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama tujuan asal

ditubuhkan untuk mengumpulkan harta Umat Islam dari terbiar. Yang kedua, untuk menolong memberi kemudahan kepada Jemaah Haji dan mengawal dari teranianya. Kebebasan orang hendak beribadat tidak boleh diganggu dan disekat. Cita-cita Tabung Haji untuk membolot kekayaan melalui Jemaah Haji lebih besar dari hasrat untuk menolong dan memberi kemudahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya suka juga menyentuh masalah kedudukan Polis. Mungkin sesudah belajar di beberapa peristiwa sejak akhir-akhir ini, perkhidmatan Polis dirasai perlu untuk memperbaiki imejnya supaya ianya dapat diterima sebagai badan yang boleh memberi perlindungan kepada rakyat jelata dalam rangka menjamin keamanan dan keselamatan ummah. Atas kesedaran inilah dipercayai Polis begitu berhati-hati dan boleh jadi juga mengutamakan sabar dalam menghadapi kes dua orang tebusan dipenjara Pudu pada ketika kita sama-sama bermesyuarat di Dewan Rakyat yang mulia ini minggu lalu Polis sanggup bersabar selama enam hari untuk membebaskan kedua-dua orang awam iaitu petugas perubatan yang mempunyai keluarga yang perlu kasih sayang bapa dan suami. Nyawa dua orang petugas itu sangat berharga dan syabas kepada pasukan Polis dan Penjara kerana memberi rasa peri kemanusiaan yang tinggi betapa jiwa orang-orang yang tidak bersalah perlu diberi pembelaan.

Masing-masing tahu bahawa yang harus dihadapi oleh Polis dan pihak Penjara ialah enam orang penjenayah yang sah, yang menyambung jenayahnya dengan menawan petugas perubatan. Dr Radzi Jaafar dan pembantunya Abdul Aziz Abdul Majid. Dalam menentang jenayah kali ini nampaknya Polis begitu berhati-hati, dia tidak terburu-buru bertindak demi menjaga jiwa dua orang yang

tidak berdosa. Apa yang telah dapat dibuat oleh Polis mengenai peristiwa ini tentunya berhak mendapat rekod yang sewajarnya. Sekiranya sikap dan cara bertindak begini dapat dipertingkatkan dan terus dipelihara maka pasukan Polis akan terus mendapat sanjungan rakyat jelata kerana pandangan tinggi dan sokongan rakyat jelata dapat memberi banyak kesan kepada perkhidmatan Polis yang sangat-sangat dikehendaki oleh negara.

Adalah dipercayai ikut sama dipandukan sikap Ketua Pengarah Penjara yang menjelaskan bahawa beliau mempunyai cara tersendiri mahu menumpaskan jenayah dan menyelamatkan kedua orang tebusan itu. Maruah perkhidmatan Polis ini perlu diberi perhatian kerana akhir-akhir ini telah tercatat beberapa rekod yang boleh merendah atau mencemarkan seluruh nama baik Polis.

Peristiwa berdarah di Memali mengorbankan 15 orang awam, 14 gugur pada hari yang kami isytiharkan sebagai "hari Syuhada" dan seorang lagi mati beberapa bulan kemudian tetapi jelaslah punca kematian itu akibat serangan pasukan Polis di rumah Ustaz Ibrahim Libya pada 9hb November, 1985 lalu dan ikut mengorbankan dan mencederakan anggota Polis sendiri. Peristiwa ini telah menjadi satu sejarah buruk bagi Polis.

Kedua, peristiwa pembunuhan dua orang pemuda belasan tahun di Kuala Lumpur oleh pasukan Polis; (i) Helmi Tahir dalam bulan Ogos; (ii) Abu Hassan Saad, yang ia berasal dari Memali, terbunuh pada 3hb September, 1986 lalu.

Walaupun anggota Polis yang terlibat sudah diseret ke mahkamah tetapi kejadian itu tetap membimbangkan orang terhadap perkhidmatan Polis. Dalam peristiwa Memali walaupun Polis menunggu

setahun untuk mengambil Ustaz Ibrahim Libya tetapi cara Polis bertindak tetap tidak tergambar pada fikiran orang ramai yang kejadian itu boleh dilakukan oleh pasukan Polis.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun pula di belakang sana. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri jalan. Sasarannya ialah orang yang alim yang diakui oleh pegawai Jabatan Perdana Menteri sebagai seorang pendakwah yang baik, yang pernah bertugas di Pusat Islam. Orang-orang kampung yang berkumpul di Memali adalah orang awam yang menghormati "Tok Guru" dan antara mereka terdiri dari orang tua perempuan dan ramai juga yang

tua serta kanak-kanak yang belum ada satu jenayah yang telah dibabitkan ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Panjang lagikah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau saya beri sambung esok untuk 10 minit dan habiskan dalam masa 10 minit esok.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok, 29hb Oktober, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.